

Jilid I
Bil. 61



MALAYSIA

Hari Khamis
3hb Februari, 1972

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA
First Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 6831]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perbekalan, 1972

Jawatan-kuasa Perbekalan—

Kepala² B. 49 hingga B. 55, B. 58 dan B. 59 [Ruangan 6845]

Kepala B. 57 [Ruangan 6893]

USUL:

Uchapan Penanggohan (Nasib Pekerja² Ladang Di-buang Kerja) [Ruangan 6909]

MALAYSIA
DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi
PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Khamis, 3hb Februari, 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., J.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

- Yang Berhormat PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P., J.S.M. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau)
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TAN SRI KHAW KAI-BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibul).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).

Yang Berhormat TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).

- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).

Yang Berhormat DR TAN CHEE KHOON (Batu).

- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S., K.M.N. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C., (Ulu Rajang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).

- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Lipis).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG (Labuk-Sugut).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Tugas² Khas, DR LIM KENG YAIK.

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

DASAR PERINDASTRIAN MALAYSIA

1. Tuan Haji Mohamed Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan ada-kah dasar perindustrian Malaysia di-selaraskan dengan pembangunan di-bidang pertanian dan, jika ya, sa-jauh mana kedua²-nya sudah dapat membantu satu sama lain.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, ada-lah menjadi dasar Kerajaan untuk menentukan supaya kemajuan perusahaan di-negeri ini di-selaraskan dengan kemajuan pertanian supaya kedua²-nya saling bantu-membantu. Ini boleh di-laksanakan melalui:

- (a) Penyediaan laporan² projek oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA) mengenai semua perusahaan² yang berchorak pertanian seperti kerepek, tepung dan kanji ubi kayu, kompleks kelapa yang di-persatukan (integrated complex), memproses jagong, memproses biji kopi dan memproses biji koko. Laporan² projek ini kemudian-nya di-edarkan kepada kesemua perbadanan² Kemajuan Ekonomi Negeri dan juga kepada sektor swasta bagi di-laksanakan oleh mereka.
- (b) Kerajaan telah juga mengumumkan ia itu barang² keluaran tertentu yang menggunakan bahan² mentah daripada sektor pertanian, sa-bagai barang² keluaran utama seperti barang² makanan, kayu balak dan barang² yang di-perbuat daripada getah, dan barang² yang di-perbuat daripada hampa dan batang² padi.
- (c) Kerajaan telah juga memberi keutamaan kepada perusahaan² yang menggunakan bahan² mentah daripada sektor pertanian sa-bagai yang dapat di-perhatikan dalam kebanyakan projek² taraf perintis yang di-luluskan oleh Kerajaan sa-lama ini. 51 daripadanya ada-lah berasaskan kepada perusahaan balak, 15 pula perusahaan memproses minyak sayur²an, minyak

kelapa sawit dan minyak kelapa, 11 perusahaan berasaskan kepada getah dan sa-banyak 11 buah pula perusahaan yang menggunakan padi, nenas dan lain² tanam²an sa-bagai bahan mentah.

FIRST MALAYAN EMERGENCY— BUKU SEJARAH OLEH ANTHONY SHORT

2. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (i) sama ada Mr Anthony Short telah menyiapkan buku sejarah rasmi berkenaan "First Malayan Emergency";
- (ii) sama ada benar atau tidak yang kerajaan menahan pengeluaran buku Mr Short kerana terdapat rangkapan² yang menyalahkan Kerajaan; dan
- (iii) jumlah perbelanjaan yang telah di-belanjakan oleh Kerajaan untuk menulis buku tersebut dan bila Mr Short mula² di-minta untuk menjalankan tugas ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan—

- (i) ya, Mr Anthony Short telah menyiapkan buku sejarah tersebut;
- (ii) tidak benar,
- (iii) jumlah perbelanjaan-nya ia-lah \$6,000 ia-itu \$4,500 sa-bagai komisen dan \$1,500 sa-bagai mengganti 10% royalties yang di-taksirkan beliau akan menerima daripada penjualan buku itu. Mr Short telah di-tauliahkan dalam tahun 1961.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Boleh-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu kepada Dewan, bila buku ini akan di-keluarkan?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Buku ini tidak akan di-keluarkan.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan tujuan² untuk Kerajaan komisenkan Enche' Anthony Short menulis buku ini, jikalau buku ini tidak akan di-jual atau di-keluarkan?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain.

Dr A. Soorian: Soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri menerangkan perkara ini memberi satu penjelasan, kenapa buku ini tidak di-keluarkan?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Ini pun soal lain.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya, apa-kah sebab-nya Enche' Anthony Short ini telah di-ambil oleh Kerajaan menulis buku sejarah ini, tidak-kah orang Malaysia ada mempunyai kelayakan untuk menulis sejarah seperti ini?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, ini pun soalan lain.

Tuan Lim Kit Siang: Kerana banyak wang telah di-belanjakan oleh Kerajaan untuk tugas ini, jikalau Ahli² Parlimen mahu membaca buku ini, boleh-kah Ahli² Parlimen dapat buku ini?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Ini pun soalan lain.

Dr A. Soorian: Minta izin, Tuan Yang di-Pertua. The Minister has said

Tuan Yang di-Pertua: No izin!

Dr A. Soorian: Timbalan Menteri yang berkenaan ada berchakap bahawa perkara ini, buku ini ia-lah sa-buah buku history, jikalau buku history, mesti-lah ra'ayat jelata mahu membaca buku ini, mengapa Menteri ini tidak mahu keluaran buku ini untuk dibaca oleh ra'ayat jelata?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Itu soalan lain.

Tuan Lim Kit Siang: Barangkali mungkin-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak beritahu tujuan untuk Kerajaan komisen Mr Anthony Short tulis buku ini, barangkali dia sendiri ta' tahu tujuan itu, dan boleh-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini ada-kah dia sendiri sudah membaca buku itu atau belum.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Ini soalan lain.

Tuan V. David: Saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kerajaan ada belanja wang ra'ayat yang mesti Menteri mahu jawab. Fasal apa Kerajaan tidak mahu

menjual buku ini, kalau tidak, saya minta kepada Tuan Speaker buat satu ruling, apa soalan yang lain, dan apa soalan yang asal?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan lain itu, jika Menteri itu menyatakan soalan lain daripada yang di-tanyakan di-sini saya bersetuju; itu jadi soalan lain!

BALAI POLIS MUAR/TANGKAK

3. Tuan Haji Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sama ada beliau sedar bahawa kedua² balai polis di-bandar Muar dan pekan Tangkak sudah tua dan uzur; dan jika sedar, ada-kah ranchangan hendak menggantikan-nya dan sudah-kah ada peruntukan wang bagi-nya.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, jawapan-nya ia-lah Kerajaan sedar. Peruntukan kewangan telah pun dimasukkan dalam Ranchangan Malaysia Kedua ini bagi menggantikan kedua² balai polis yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan balai polis di-Muar, ia-itu berek² polis di-tempat itu telah di-kondemkan oleh Jabatan Kerja Raya tidak boleh lagi manusia duduk di-tempat itu hingga anggota polis kita berpindah ka-tempat lain. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini memberikan perhatian utama supaya projek ini di-buat dalam tahun ini juga?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Boleh di-beri perhatian utama.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh-kah Menteri yang berkenaan menerangkan kepada Dewan ini berapa banyak-kah balai² polis dalam Malaysia Barat ini yang tua?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Ini soalan lain.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di-antara dasar Kementerian ini, ia-itu akan mengganti komplek² bangunan polis di-seluruh Malaysia termasuk daerah Muar ini, dapat-kah Kementerian ini memerhatikan bahawa di-antara bangunan yang akan di-dirikan itu supaya

di-dirikan surau di-kawasan itu untuk kebajikan, bukan sahaja orang laki²-nya termasuk orang perempuan pada mendapat sharahan² 'am?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Ada dalam chadangan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberitahu bagaimana-kah dasar kementerian ini untuk menggantikan balai² polis yang telah lama untuk di-gantikan dengan yang baharu, yang erti-nya ada-kah yang di-buat masa Jepun, yang di-buat masa penjajah akan di-gantikan atau bagaimana chara-nya yang boleh pehak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menggantikan yang baharu?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan ada-lah hendak menggantikan semua balai² polis yang burok² dan juga berek² polis yang lama². Ini ada dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua, Ahli Yang Berhormat itu memang sudah membacha chadangan² itu.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah menjadi dasar Kementerian ini apabila sa-sabuah bangunan yang sudah tidak di-iktiraf, yang sudah tidak ada jaminan lagi oleh Jabatan Kerja Raya, maka bangunan² yang saperti itu-lah di-beri keutamaan yang lebih di-dalam pembenaan-nya?

Tuan Yang di-Pertua: Macham mana soalan-nya?

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman: Ada-kah bangunan² balai polis yang sudah tidak di-aku² lagi kebaikan-nya oleh Jabatan Kerja Raya, maka bangunan² itu-kah yang hendak di-beri keutamaan dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Memang bangunan yang sa-umpama itu di-beri keutamaan.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Berapa banyak bangunan² saperti itu yang telah ada di-dalam senarai Kementerian yang berkenaan?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Saya berkehendakkan notis, Tuan Yang di-Pertua.

IMPOT BUAH²AN

4. **Tuan Haji Ahmad bin Arshad** bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Per-usahaan negara² mana-kah yang mengeksport buah²an ka-Malaysia, apa jenis²-nya, berapa banyak dan berapa nilai harga-nya; dan ada-kah Kerajaan berchadang hendak menegenakan quota atas impot buah²an ini.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengimpot sa-banyak 31,000 tan buah²an bernilai lebih kurang \$21 juta pada tahun 1970. Kebanyakan buah² yang di-impot itu ia-lah limau, apel, anggor, keruma, buah lai, buah plum dan buah peach. Negeri² utama yang mengeksport ka-Malaysia ada-lah Australia, China, Amerika Sharikat, Taiwan dan Sepanyol.

Kerajaan telah pun mengenakan chukai impot yang tinggi, pukurata \$400 tiap² satu tan, ka-atas buah²an. Oleh kerana chukai ini ada-lah tinggi maka tidak-lah perlu di-kenakan sekatan quota. Walau bagaimana pun apabila pengeluaran buah²an tempatan bertambah pada masa akan datang, Kerajaan mungkin akan menimbangan sa-mula kedudukan tersebut.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan di-katakan tidak perlu di-adakan quota, tidak-kah Kementerian ini tidak dapat memberi kerjasama kapada Kementerian Pertanian yang pada masa sekarang menggalakkan orang ramai supaya makan buah²an tempatan?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, apa yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak-lah benar, bahkan sa-bagai tambahan, ia-itu dalam ucapan budget-nya yang baharu² ini, Menteri Kewangan telah pun mengishtiharkan suspended duties, di-antara-nya termasuk-lah buah²an yang akan mengenakan chukai lebih kurang 100% lebih-nya daripada yang ada pada hari ini dan pada hari ini pun chukai buah²an yang di-impot daripada luar negeri ada-lah sudah chukup tinggi. Jadi, masalah yang utama yang kita hadapi sekarang ia-lah untuk mengeluarkan buah²an dengan lebih banyak lagi untuk memenohi pasaran dan apabila buah²an telah chukup banyak memenohi pasaran, maka langkah² sa-lanjut-nya boleh-lah di-ambil, ia-itu sa-bagaimana yang telah saya katakan tadi Menteri Kewangan telah pun

mengishtiharkan senarai suspended duties termasuk-lah di-antara mengenai buah²an yang kita impot daripada luar negeri. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu gezet berkenaan dengan perkara ini sila-lah lihat P.U. B. (1) yang bertarikh 6hb Januari, 1972.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, tadi Menteri yang bertanggung-jawab mengatakan buah²an daripada luar negeri seperti daripada Australia dan lain². Orange daripada negeri Yahudi, saya telah kata negeri Yahudi tidak ada perhubungan dengan kita dan kita pulaukan benda² Yahudi. Ada atau tidak, sebab apabila saya pergi ka-Supermarket, ada buah limau daripada Haifa, ada atau tidak. Ada ta' sekatan buah² Yahudi ini masuk ka-negeri kita.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan daripada saya tadi sudah jelas.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang saya tahu mengikut kenyataan² daripada pihak Kementerian ini bahawa sa-sungguh-nya barang² atau pun buah²an daripada negeri Yahudi ada juga dan termasuk dalam sa-buah negara yang besar yang mengimpot buah²an ka-Malaysia. Boleh-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu kenapa Malaysia sa-hingga hari ini maseh menerima buah²an daripada negeri Yahudi, sedangkan kita telah menyatakan bahawa negara kita tidak setuju dengan langkah² Yahudi dan sikap negara-nya yang mencheroboh di-negara² Arab?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soal kita bersetuju atau tidak dengan politik Israel, itu soalan lain. Ini ada-lah soal impot buah²an dan saya telah menyatakan tadi, ia-itu boleh jadi Ahli Yang Berhormat itu ta' berapa terdengar dan ta' berapa faham, saya katakan negeri² yang besar yang mengeksport buah²an ka-negeri kita ini ia-lah:

- (1) Australia;
- (2) Negeri China;
- (3) Amerika Sharikat;
- (4) Taiwan; dan
- (5) Sepanyol.

Ini-lah negeri² yang besar yang mengeksport ya'ani dari segi jumlah-nya yang banyak

sa-kali mengeksport buah²an-nya ka-negeri kita.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, tidak-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri berchadang pada tahun yang akan datang atau pun di-masa yang akan datang pihak kita Malaysia tidak akan menerima lagi buah²an daripada Yahudi?

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soalan tambahan, itu hendak mengajak bertengkar, tidak-kah hendak chadang itu dan chadang ini. Beri-lah soal tambahan berkenaan dengan soalan yang asal, itu sahaja, kalau tidak, saya tidak benarkan, menghabiskan masa sahaja.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan-nya bagini, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri berchadang di-masa yang akan datang kita tidak lagi menerima buah²an daripada negara tersebut bahkan kita ambil dari negara lain?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menerima dan kita tidak mengambil, kalau ada pun daripada negeri², maka negeri² itu menjual kepada kita dan negeri kita membeli. Soal memberi atau mengambil, itu tidak timbul sama sa-kali.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Atas jawapan yang telah di-beri oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan di-dalam Dewan ini, saya ingin tahu pada segi Kementerian Perdagangan dan Perusahaan kita mana lebeh besar khasiat dan lazat-nya buah dalam dengan buah luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Itu pun satu soalan yang saya tidak berapa berkenaan. Mithalnya suka, gemar atau tidak gemar, itu bukan soalan. Urusan kita ada banyak di-sini.

PERDAGANGAN DENGAN MALAYSIA

5. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan memberikan:

- (a) nama negeri² yang berniaga dengan Malaysia dan ada hubungan diplomatik;
- (b) nama negeri² yang berniaga dengan Malaysia tetapi tidak ada hubungan diplomatik; dan

(c) imbang perdagangan Malaysia dengan negeri² luar tahun 1970.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, (a) dan (b) Malaysia ada-lah menjalankan perdagangan dengan hampir semua negeri di-dunia melainkan Afrika Selatan dan Rhodesia sahaja. (c) Imbangan perdagangan Malaysia dengan negeri² luar dalam tahun 1970 ada-lah berlebehan ya'ani 'favourable' sa-banyak \$885.6 juta. Ekspot telah di-daftarkan sa-banyak \$5,150.7 juta dan impot sa-banyak \$4,265.1 juta.

Dr A. Soorian: Boleh-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberi tahu tentang satu tarikh yang tetap bila Malaysia mahu mengaku negeri Bangla Desh?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ini soal yang lain sama sa-kali.

Tuan Abu Bakar bin Omar: Soalan tambahan. Dapat-kah Menteri yang berkenaan memberi tahu Dewan ini sebab² yang bahawa Malaysia tidak berdagang dengan negeri Afrika Selatan dan Rhodesia?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebab-nya ia-lah kita patoh kepada keputusan atau resolution yang di-luluskan oleh Bangsa² Bersatu yang menganjurkan supaya negeri² dalam Bangsa² Bersatu memboikot perdagangan dengan kedua² negeri tersebut.

PEKERJA² DI-KILANG²

6. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan mengapa pekerja² di-kilang² papan, pemandu² lori balak dan pemandu² lori lain tidak termasuk di-dalam "Social Security Scheme" dan juga menyatakan bila pekerja² itu akan di-masokkan ka-dalam ranchangan itu.

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, skim ini ada-lah meliputi pekerja² di-kilang² papan dan pemandu² lori balak, tetapi oleh sebab² pentadbiran mereka telah di-keluarkan buat sementara waktu sa-lama satu tahun di-bawah Akta Pemandu² Lori lain ada-lah di-liputi.

GETAH SMR—PENGELUARAN

7. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apa-kah kemajuan

yang di-chapai oleh LKTP dalam mengeluarkan getah SMR di-ranchangan²-nya.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, LKTP chuma mempunyai sa-buah kilang getah dengan muatan 10 tan sehari di-Lurah Bilut. Kilang ini memproses keluaran² hasil dari 16 buah ranchangan di-sekitar kawasan itu. Jumlah keluaran getah SMR bagi semua gred dalam tahun 1970 ada-lah 1,192.17 metric ton. Jumlah keluaran dalam tahun 1971 ada-lah 2,800 metric ton termasuk anggaran keluaran bagi tempoh sehingga penghujung tahun ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Oleh kerana sa-hingga ini ada satu sahaja kilang getah yang memproses getah SMR di-Ranchangan LKTP, maka boleh-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberi tahu bagaimana pula getah² di-bawah Ranchangan LKTP di-tempat² yang lain, ada-kah pengeluaran getah itu sa-bagaimana getah² kampung juga atau bagaimana?

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tempat² yang lain itu di-jual dengan pehak swasta.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah sa-sudah mendirikan kilang untuk SMR, ada-kah ranchangan Kerajaan di-dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini mendirikan bukan sahaja kilang SMR ini tetapi SMR itu juga membuat barang² yang mengeluarkan barang per-buatan daripada getah?

Dato' Abdul Samad bin Idris: Soal itu ada-lah di-kaji dari sa-masa ka-samasa mengikut kemampuan dan keadaan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Sa-bagaimana kita dengar bahawa sa-sungguh-nya di-tempat² yang lain getah di-ranchangan² LKTP ada-lah di-jual kepada pehak peniaga² swasta, boleh-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberi tahu bagaimana kedudukan pasaran-nya dan bagaimana pula kedudukan harga getah yang di-beli oleh pehak swasta itu.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah soal lain.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soal tambahan. Bilakah di-ranchangan² yang lain akan di-adakan

juga kilang untuk memproses getah SMR ini bagi menaikkan harga getah bagi meng-
untungkan peserta² di-ranchangan itu.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Ada dalam kajian.

SHARIKAT² KERJASAMA LUAR BANDAR

8. Wan Sulaiman bin Haji Wan Ibrahim minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sejauh mana-kah gerakan Sharikat² Kerjasama di-kawasan² luar bandar di-anggap penting dalam pelaksanaan Ranchangan Malaysia Yang Kedua.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini mempunyai keyakinan penuh di-atas Gerakan Kerjasama sa-bagai satu alat yang penting bagi meninggikan taraf ekonomi ra'ayat² luar bandar, melalui ranchangan sharikat² dalam berbagai² bidang.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soal tambahan. Oleh kerana sharikat kerjasama di-luar bandar ada-lah menjadi satu badan yang penting untuk membela kaum tani dan kaum nelayan atau pun ra'ayat² yang miskin di-luar bandar, kenapa-kah di-ranchangan² Kerajaan kontrektor untuk membuat satu² ranchangan itu tidak di-beri kepada sharikat² kerjasama bahkan sekarang ini di-beri kepada persaorangan atau pun privet komani sa-mata²?

Dato' Abdul Samad bin Idris: Itu, Tuan Yang di-Pertua, soal yang lain.

KELAPA SAWIT MENGGANTIKAN GETAH

9. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan ada-kah LKTP berchadang akan menebang pokok² getah di-semua ranchangan-nya dan menggantikan dengan kelapa sawit, memandang bahawa getah makin merosot di-pasaran dunia.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, LKTP tidak ada ranchangan menebangkan pokok² getah di-ranchangan² dan menggantikan dengan kelapa sawit. Ini ada-lah oleh sebab:

- (a) Tanah² di-ranchangan getah telah di-dapati sesuai bagi tanaman getah dan mungkin tidak sesuai dengan tanaman kelapa sawit.

- (b) Perbelanjaan untuk menanam getah ada-lah besar dan bebanan bagi peserta² akan bertambah berat jika lot² mereka itu di-tanam sa-mula pula dengan kelapa sawit. Sungguh pun begitu, pada masa ini di-dapati lebeh luas kawasan telah di-tanam dengan kelapa sawit daripada getah. Di-samping itu, Lembaga sedang chuba mempelbagaikan tanaman²-nya seperti tebu dan juga koko.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak-kah Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar sedar bahawa kegelisahan telah timbul di-kalangan peserta² di-Ranchangan LKTP dalam perkara getah dengan sebab harga getah murah? Apa-kah langkah² supaya kegelisahan mereka dan kesempitan hidup mereka itu dapat di-atasi?

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kedudukan getah sekarang ini sa-makin merosot, maka tidak-kah pada pandangan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar bagi

Tuan Yang di-Pertua: Itu yang saya tidak suka, fasal minta pandangan, pandangan dia tidak kira. Apa yang hendak di-jawab itu betul² ada, ada-kah atau tidak—pandangan itu tidak pakai.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, biar-lah saya aleh sedikit. Boleh-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberi jaminan supaya harga getah yang di-proses di-Ranchangan² LKTP akan mendatangkan lebeh memuaskan sedikit daripada keadaan yang ada sekarang berbanding dengan apa yang di-dapati oleh peserta² di-Ranchangan LKTP di-bidang kelapa sawit?

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, ini juga soalan lain.

SHARIKAT² KERJASAMA— MEMBUBARKAN

10. Wan Sulaiman bin Haji Wan Ibrahim minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berhubung dengan

keputusan Kerajaan hendak membubarkan sharikat² kerjasama yang mundur dan tidak betul perjalanannya:

- (a) berapa bilangan sharikat² Kerjasama yang telah di-bubarkan; dan
- (b) sebutkan dengan khusus Sharikat² Kerjasama di-luar bandar yang telah di-bubarkan dan dalam negeri mana.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah bilangan sharikat² Kerjasama yang mundur dan tidak betul perjalanannya yang telah di-bubarkan ialah sa-banyak 920 buah.

- (b) Jumlah bilangan sharikat² yang telah di-bubarkan mengikut negeri ada-lah seperti berikut:

Perlis	...	...	63
Kedah	...	...	152
Pulau Pinang	...	...	25
Perak	...	...	237
Selangor	...	...	88
Pahang	...	...	49
Negri Sembilan	...	...	63
Melaka	...	...	51
Johor	...	...	100
Trengganu	...	...	40
Kelantan	...	...	52
Jumlah	...	...	920

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa lama dahulu saya telah membawa satu pengaduan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar atas satu Sharikat Kerjasama Perikanan Batu Mong di-kawasan Pulau Pinang Selatan. Yang Berhormat Menteri pun telah menghantar Director-General untuk menyiasat hal ini. Lepas itu terus perkara ini diam sahaja dan saya pun tidak berpuas hati atas perkara ini. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri membuat jaminan di-dalam Dewan ini ia-itu beliau akan menyiasat hal ini dengan teliti-nya.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak ada berkaitan dengan pertanyaan asal.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sa-sungguh-nya kemundoran shari-

kat² kerjasama ini ia-lah di-sebabkan tidak persaimbangan antara dasar negara kita ia-itu dari satu pihak kita menggalakkan sharikat kerjasama dan dari satu pihak kita menggalakkan free enterprise, pergerakan private sector? Jadi ada-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada membuat satu usaha untuk menyelaraskan dalam hal ini supaya sharikat kerjasama lebeh maju.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahan-nya?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Ada-kah dia membuat apa²: itu bukan soalan tambahan, Soalan tambahan supaya di-dengar oleh Dewan dan negeri, dan boleh jadi ini adalah berfaedah kapada dia. Itu dia soalan tambahan—itu guna-nya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan saya tadi tidak boleh-kah Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, boleh, tetapi apa soalan-nya, ta' tahu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan saya ia-lah apa-kah penyelarasan yang di-buat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk membolehkan sharikat kerjasama ini maju dengan keadaan negara kita memakai kapada dasar perniagaan bebas.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini telah menyusun langkah² dan membubarkan sharikat² yang kecil² dengan di-satukan dan dengan kerana itu-lah satu dasar yang baharu yang di-tubuhkan dan di-bentuk dan di-namakan Sharikat Serbaguna. Jadi dengan ada-nya perubahan² yang baharu ini ada-lah nampak kenyataan² yang sharikat² yang bentuk itu mendatangkan kemajuan.

KELAPA SAWIT—KEDUDOKAN

11. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apa-kah pandangan Kerajaan terhadap kedudukan kelapa sawit di-masa hadapan di-negeri ini.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini akan membawa atau meminta pandangan daripada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan.

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1972

Jawatan-kuasa Perbekalan

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan dalam Jawatan-kuasa Perbekalan (2hb Februari, 1972).

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

JADUAL

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Kepala² B. 49 hingga B. 55, B. 58 dan B. 59—

Tuan V. David (Dato Kramat): Tuan Pengerusi, saya minta izin. Kami ada membawa dalam Dewan ini mengenai perkara rumah² pekerja, rumah² Kerajaan yang diberi kepada pekerja² keretapi di-Jalan Bungsar. Di-Jalan Bungsar itu, kita nampak sekarang ini Kerajaan ada membuat pagar

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Untuk penjelasan. Kalau hendak berchakap mengenai bangunan dalam development ini, saya rasa ini tidak kena dengan expenditure—gaji² dan lain², tetapi kalau di-benarkan macham ini, bila hendak habis?

Tuan V. David: Saya hendak minta Kerajaan tolong-lah repair rumah² ini. Sir, I am sure the cost of repairs are in the Estimates.

Tuan Pengerusi, saya nampak fasal PATA Conference ini, Kerajaan ada menutup dengan bamboo, tetapi pada rumah² di-Bungsar

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: On a point of order. Tuan Pengerusi, saya undertake, saya sudah pun jawab pertanyaan² itu. Ini bukan masalaah development. Kalau ada berkenaan dengan Expenditure, gaji², kekurangan gaji, begitu bagini,—itu boleh.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat hendak-lah membezakan di-antara Development dengan Estimate biasa. Kalau perkara

itu termasuk dalam Development dan di-ubahkan, jangan berchakap lagi. Kalau termasuk dalam estimate biasa, boleh berchakap!

Tuan V. David: Baik, Tuan Pengerusi. Saya nampak Yang Berhormat Menteri bila saya hendak chakap mengenai rumah², dia tidak boleh sabar sedikit, bukan saya kata buat rumah baharu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Untuk penjelasan. Saya setuju, tetapi bukan bab yang kita hendak bahathkan. Masa ta' ada.

Tuan Pengerusi: Saya suka hendak dengar dahulu.

Tuan V. David: Kami, Tuan Pengerusi, perchaya Kerajaan bila membuat allocation, repair rumah² keretapi, tolong-lah ingat pada orang² miskin, buroh² pekerja², kerana ini mustahak yang Kerajaan mestilah fikirkan.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, the Keretapi Tanah Melayu has been a focus of attention by many Members of this House in relation to its administration and the other factors involved. Sir, I was told, when I perused the estimates of expenditure on salaries and so on, that the Railway Service Commission which makes appointments of workers has been reduced to a very ineffective organisation as a result of certain developments which have taken place in the Keretapi Tanah Melayu. I have been informed through reliable sources, Sir, that there is a Welfare Organisation in the Keretapi Tanah Melayu which dictates what the Railway Service Commission should do. Though I do not like to question the integrity and dignity of the Commission, it is most unfortunate that a Welfare Organisation existing in the Railways, organised by a few individuals, should have a big control and have a say on the recruitment and appointment of personnel in the Keretapi Tanah Melayu. Sir, the new Minister, of course, is expected to listen to complaints which are being made by many Railway employees on promotions and recruitments to this date. I am sure there is a large number of vacancies existing in the Keretapi Tanah Melayu which have not been filled and also promotions have not been carried out in a just and fair manner. These are vitally important for the efficient running of the Railways in order to serve the interests of the public at large. I would ask the Minister at this juncture to

review the entire position relating to this Welfare Organisation and the Service Commission. My information is that if any appointment is to be made, this Welfare Organisation makes recommendations who should be appointed and who should not be appointed, and who should be promoted and who should not be promoted. This, of course is most improper and I do not like to dwell at length on this subject. I leave the matter to the Minister to take appropriate action, to prevent Honourable Members of this House bringing a Motion to this effect at a later stage.

Sir, with respect to Road Transport. . . .

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, before the Honourable Member steps on to Road Transport, I would like to seek a clarification. If the Honourable Member is not aware of the set-up of the recruitment of staff and promotions in the Railways, he should at least be aware of the Railway Service Commission. Has he got any doubt on the integrity of the Railway Service Commission? That is not the duty of a Minister, please—know your facts.

Tuan V. David: Mr Chairman, Sir, I am sure the Minister has been asleep. I have been repeatedly telling that there is a Welfare Organisation in the Railways—if you want me to mention the names, I do not mind. This Welfare Organisation is dictating terms to the Railway Service Commission, which should be prevented, and the Service Commission should not entertain any letters or any recommendations from the Welfare Organisation. I am trying to draw the attention of the Minister to that. I am not casting any slur on the integrity or the dignity of the Commission itself.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: The Honourable Member can send a memorandum to me but I cannot entertain his rumours. We are not dealing with rumours in this Honourable House.

Tuan V. David: These are from facts, Sir. If the Minister is prepared to listen, I will provide more facts. I am sure the Railway Union itself will be prepared to provide him with facts.

Sir, coming to the Road Transport Department, there have been numerous complaints about the issuing of taxi licences. The

declared policy of the Government is to see that drivers who can man taxis are to be given taxi permits. The poor, needy and defenceless workers at large in this country who apply for taxi permits do not get permits to operate taxis, but fortunately or unfortunately, or knowingly or unknowingly, a big group of tycoons have managed to obtain a large number of permits to operate taxis. It is pointless for the Government to repeatedly declare that permits would be given to people who can man their own taxis. But here room is being made for big business, exploitation and a middle-man system. With all the efforts of the Government, the "pajak" system continues; nobody can deny this in this House because I myself have written a number of letters to the Road Transport Department and the Road Transport Department is unable to make appropriate inquiries into the matter. Sir, the Licensing Board should be given a clear, definite mandate as to who are the persons who should be qualified for taxis. Political criterion also plays a role in the issue of licences. Candidates who have lost in the last election have been rewarded with a number of permits to operate taxis. I am sure the Minister will not ask me to reveal the names of these persons, which will be more embarrassing to this House, but I hope that when issuing licences the basic factor that will have to be taken into consideration is whether the person who applies for a taxi is himself a taxi driver. I know of cases where persons who have been manning taxis for ten to twenty years and who have also served in the Police Force are unable to obtain permits to operate taxis in spite of several representations made to the Government. The new Minister, of course, should be given an opportunity to examine these facts; I hope, and I do believe, the Minister will be energetic in this matter and will do everything possible to see that licences are issued in a just and fair manner so that persons who really qualify themselves for these permits be given these taxi permits.

Sir, coming to the buses, public transportation, there has been a wrong belief in this country that transport means it should make profit. Sir, transport is one of the basic amenities which any Government should offer to the public. As the people are the taxpayers, they are entitled to the best form of transportation in the country. There have been complaints of losses by bus companies

as well as the Keretapi Tanah Melayu, but this should not be a cause or a reason to deny the people from utilising the best form of transportation. Sir, as for buses, the bus service in many parts of the country have not improved. The reason is that buses which should be condemned which can no longer be operated on roads are being allowed to operate; I do not know how they manage it but these buses are painted and brought for tests and after some time we find them on the roads again, even though they do not comply with all the regulations and laws which are in existence. Many buses operate without brakes and without proper tyres—retreaded tyres are being used. Complaints have been lodged with the Department and the moment complaints are made the bus owners come to know about it and for a few days they pull these buses out of the road and back again these buses come on the roads after being repainted.

Mr Chairman, Sir, the Minister has a big task in going about the vital task of providing a more efficient and better form of transportation to the people of this country.

As we have always advocated, Sir, transportation will have to be organised within the modern context. I am sure a number of United Nations experts were assigned to probe into our transport system. They made a survey of our transport system and to this day, in spite of a number of years having gone by, I have not seen the report or the recommendations made by these experts. Maybe this report has been shelved by the Government for reasons best known to it. It is urgent and important to review the policy on transportation in view of the population increases—the density. We must find a regular and efficient service. In some routes, in many parts of the country, buses only operate once in one hour or maybe once in half-an-hour. There should be transportation organised on the following basis:

- (i) long distance transportation;
- (ii) urban transportation; and
- (iii) rural transportation.

There must be set up an efficient Board to supervise the method of transportation and organise it in a manner that will fit into our developing country. Mr Chairman, Sir, the report which was made by the experts should also be published and that will serve as a guiding factor for reorganising our entire transport system.

Sir, in respect to the Airline, this morning we read a statement on the split between the two countries, Singapore and Malaysia; and split is taking shape and is coming soon, within the next few months. We do not know to what extent efficiency will be maintained by our Airline and where we have spent millions of dollars on advertising the name of "M.S.A.", M.S.A. has been now taken over by Singapore. This is not because Singapore has been very clever in taking away this name. I would only say that this is how efficiently our Ministries and personnel have been working in respect to our National Airline. Sir, efficiency can only be obtained by appointing the right people to the right job and if our National Airline is to maintain proper efficiency, where it has to start now from the scratch and build up its own business, it has to work very hard and the Minister has to be very, very careful in planning for the air transport; if not, we will again turn it into a type of airline like the Keretapi Tanah Melayu, where the Penang Mail instead of arriving at 5.00 p.m. arrives indefinitely—maybe at 7.00 or 8.00 p.m. So this should not happen in the case of the new Airline. MAS is a very good name—Gold. So I hope it will be a Golden Airline and the Minister will take every step to see that an efficient airline set-up is run in our country to compete with other countries. It is most regrettable that the name M.S.A. has been lost by our National Airline which could have been maintained by us if the relevant people who have been dealing with the Airline could have been more cautious and more intelligent in managing the entire matter. Mishandling is one of the reasons for losing this name. I hope this would not be repeated again. Thank you, Sir.

Tan Sri Khaw Kai-Boh (Ulu Selangor):
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk berchakap mengenai anggaran belanjawan berhubung dengan Kementerian Perhubungan.

Dengan keizinan Tuan, saya suka bertutor dalam bahasa Inggeris supaya saya dapat di-fahami dengan lebih jelas lagi oleh kerana apa yang saya ingin perkatakan di-sini mengandungi berbagai istilah dan perkataan ekonomi, teknik serta undang².

(*Dengan izin*) Sir, we are certainly delighted and enlightened to have heard yesterday from the Minister himself that all

measures will be taken *vis-a-vis* the National Airline and the National Shipping Line. It is not only timely but also perhaps even belatedly—and jolly high time too. At least, we can congratulate the new Minister that our Subang Airport has gradually been converted from a “ghost airport” to a “host airport”. Both are the lifelines of the country and one would be failing in one’s duty in not speaking quite frankly and bluntly on such issues. Perhaps the measures spoken about by the Minister are not quite enough, because what is needed is not merely dollar and cents but more than that. What is required is a complete revamping of the top policy-cum-executive level, more so at this very crucial and embryo stage of both the National Airline and the National Shipping Line.

It has already become a common feature with the split of M.S.A. that Malaysia has always—I repeat, always—been caught napping by surprise. Why? The latest one is that the split of the M.S.A. is to start from July and we have seen in this morning’s newspaper headlines, which I quote: “Split of M.S.A. from July Surprise”. This may be a surprise to all those who are directly concerned with this problem, in particular in the Civil Service on this side of the Causeway, but it is no surprise at all to many of us inside and outside this House. What is surprising is that this state of affairs has been allowed to go on and on and yet the situation has remained surprise after surprise.

I can but touch on a few major topics, one of which has been touched upon by the last speaker. For example, we have spent no less than \$30 million on advertisements and yet today the name of M.S.A. has gone to Singapore. We have spent not only hundreds of thousands of dollars but millions of dollars on the training of pilots, and I understand not less than 80 to 90 per cent of the pilots are Singapore citizens. It takes about \$120,000 to train a jet pilot, and when the split takes place we have lost this asset. I hope these assets are taken into consideration in the arrangement of payment of compensation. I hope we have that kind of bargaining people to be able to go into this part of the assets. We have also the various other assets: the organisation of the air canteen in Singapore, the catering business etc., all of which takes a long time to build up and to be trained, personnel and equipment-wise. In this respect, Sir, let us sit back and take stock and find out

why we have been caught napping by surprise after surprise. I can think of several reasons, but I shall only pin-point on the major ones.

Firstly, there was the untimely change of Minister responsible for Transport at a time which was crucial when continuity was of utmost importance. This might have been in order had a more senior and more experienced Minister been appointed to take over two years ago from the then Minister who is now back as the Minister. What happened was that an entirely new and junior Minister, first time in the Cabinet and ineffectual, as far as the National Airline and the National Shipping Line are concerned, was put in to be responsible for what is not only a senior Ministry but also at a time when it was absolutely crucial that the Minister himself must be fully knowledgeable and conversant not only with aviation matters but also intimately with what goes on in the MSA. This is a lesson perhaps the Government has learned, a lesson which we Backbenchers on the Government side should also learn, that when criticism is due, as distinct from destructive criticism of the Opposition, we must not hesitate to do so, and do so in good time, which is the essence of Parliamentary democracy.

We are certainly glad that at last the more experienced Minister is back at his helm, not only back at his helm but proving to be a much more aggressive one judging from what we have heard him say in this House during this session.

Secondly, Sir—and this is equally of importance—we still go about the organisational level of our National Airline in a most amateurish manner, in that we have only a part-time Chairman of the Airline at this crucial stage, with equally amateur Directors, as distinct from the very formidable line-up in Singapore. In these days of jet age, when we are talking not only of ordinary aircraft but of Jumbo aircraft, and airlines after airlines are searching for a formula to face this threat, the Minister can only be responsible for the national policy, but as regards the National Airline’s policy matters, and in particular *vis-a-vis* the split of the “MCA”, this depends heavily on the Chairman and the Board (*Ketawa*)—I am sorry—split of the MSA, this depends heavily on the Chairman and the Board themselves, on whom the Minister leans heavily. What do we find? We find that we have a Civil servant dubbing as

the Chairman of our National Airline, in addition to his full-time duties as a Civil servant, plus also trying to steer the destiny of our National Shipping Line—as he was reported to have represented us recently at the Far East Freight Conference in London. It is simply not fair to the National Airline, quite apart to the individual himself, and also to the Malaysian people, to the taxpayers, that this state of affairs should be allowed to subsist and subsist *ad infinitum*.

At this stage it is definitely a full-time job and if the individual concerned is considered to be good enough, then retire him by all means from the Public Service, give him a pension and gratuity, and appoint him as the full-time Chairman of the National Airline. The General Manager of the MAS cannot be expected to take over the important role of policy-making, policy-vigilating, parrying with and perhaps outwit the impressive line-up of Singapore, when he has to confine himself full-time to the operational level to lift the MAS fleet off the ground as soon as possible. This is certainly the job of the Chairman and his Board, who should in fact meet regularly, at least once fortnightly, if not weekly, until the whole episode of the split of the MSA is completed and the MAS successfully takes off from its launching pad.

What I said equally applies to the National Shipping Line. As much as we are most enlightened to have read the Government's strong statement in its stand vis-a-vis the Far East Freight Conference, which was splashed for several days in our national dailies during the week-end of 17th January, 1972, followed by reports of our Malaysian representatives going to London to thump the table. Unfortunately, what started off as a lion's roar, ended up in a whimper. We heard nothing from our chief delegate to the Conference when he left as well as when he returned—whether he has succeeded or failed in his mission. At least, in Singapore we read of the very strong statement by the Singapore chief delegate even before he left for London as well as after he returned from London. What a sad comparison! There is definitely something wrong with the top line-up, and in this case the chief delegate is also the Chairman of our National Airline. It is already a superman's commitment to head the policy-making part of the National Airline and one simply cannot expect an individual, much less a Civil servant, to head both the National transport

lines, no matter how capable he is in the part-time capacity, when he is not even backed-up by an experienced well-tryed commercial-mined Board, as we should know that both air transport and shipping are highly specialised fields, each distinct by itself, and Malaysia can never be a match with other competitors with the present set-up. We urge the Minister to look seriously, very seriously, into this matter.

Both the National lines must be run and only run on commercial basis and on the highest principles of economic viability because it is so easy for one just to dig one's hand into the Consolidated Fund from the Treasury and take \$40 million, as we have read in the newspapers, for the purchase of Boeing aircraft, when one need not have to face the shareholders and one need not think about how much dividend you have got to pay to the shareholders in a commercial concern. Both the National lines must be constituted with people knowledgeable, capable and experienced in such aspects, which the best of Civil servants do not possess, I regret to say.

This House may recall that on Friday, the 14th of January, I drew the attention of the Government to the lopsidedness of not only the Singapore National Shipping Line but also our own National Shipping Line in connection with their rights in the Far East Freight Conference and in particular to our being denied the high freight rates and the lucrative ports of call as well as the stranglehold which the Freight Conference has had and still has on our primary industries and, in turn, our economy. It was so clear, Sir, that for reasons of vested interest, in this case foreign interests; there was not a squeak in the following day's leading national newspaper—the *Straits Times*—of what I said in this connection; it was a complete black-out and I hope it will not happen to what I say today.

As I said earlier, the Malaysian Government itself came out with a Statement the following day after my speech in this House, and the paper had to bow down and publish it in full in the *Sunday Times* of January 16th and the *Straits Times* of January 17th, which confirmed what I said in this House.

Honourable Members in this House and the Malaysian people outside this House are certainly most gratified in what appears to be

an immediate response by our Government, and here I hope the same response will be given to what I say today, to look into the crying needs of consumers of shipping space for our primary products. We are certainly glad that our Government is going to adopt a tough line in this matter to break the grip of the Conference with the realisation that Malaysia and Singapore have got just about the worst terms of membership in the Far East Freight Conference. We are only merely a few hundred miles south from Thailand and yet we are denied calls on the port of Bangkok. Is it not a ridiculous state of affairs? And certainly so with the present line-up in both our national lines. From the latest news reports, we see that we have not made much of a headway in the Far East Freight Conference.

It was the Malaysian Government who broke the back of the hitherto impregnable and unassailable stranglehold of the I.A.T.A. by taking the unprecedented step two years ago in approving, to the surprise of the whole world, and in particular the developed countries, extensive landing rights to charter flights, and now even scheduled charter flights, so as to enable not only our people but people from our neighbouring countries as well as people from far away lands, even as far as Australia, the United Kingdom and the United States of America, to the advantage of such benefits of our chartered travel—thanks to our Government, and in particular to our Finance Minister, Tun Tan Siew Sin, who was responsible for this very historical decision of allowing charter flights scheduled landing in this country.

It may well be, Sir, that it will again be the Malaysian Government who will break the back of the Far East Freight Conference, as it has broken the back of IATA, judging from the lowering of air rates and air transport fares in the recent months. Before the event, every year we could see the IATA fare going up by 5% to 10%; and had it not been for the Malaysian historical stand in allowing landing rights to charter flights, IATA rates would not have gone down as they have today. We should, by the same token, take the same lead in breaking the stranglehold of the Far East Freight Conference on budding national shipping lines such as ours and that of Singapore and as well as those in our neighbouring countries, all of whom are suffering badly under the

stranglehold of the Far East Freight Conference. In taking a tough line, Sir, I am sure our Government will have the full support of the people in this country as well as those of Singapore and probably even our neighbouring countries, the ASEAN countries and other non-ASEAN countries near our soil, judging from the resultant effects of our Government's action *vis-a-vis* the IATA. If the Ministry of Communications should find that it has insufficient estimates to push a more aggressive policy in the direction that I have indicated, then it is for this House to allow such supplementary estimates as the Minister may require, and I wish him luck.

Sir, I support these estimates. Thank you.

Tuan Tan Cheng Bee (Bagan): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong belanjawan² yang di-edarkan kepada tiap² Kepala di-bawah Kementerian ini dan saya hendak menyentuh atas Kepala P. 49, Kepala-kecil "Keretapi". Di-sini saya mohon izin menyambong ucapan saya dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Sir, I see that work is under way for the improvements of Railway Stations, particularly the important Junction Station of Bukit Mertajam. This Railway Station was burnt down during the evacuation of the British troops in 1941 and was re-built by the Japanese troops during the Japanese Occupation. Anyone looking at the building would know that it was done with haste and without any planning. Even the overhead bridge for the passengers to cross from one platform to another was merely repaired and some of the wooden steps are now loose and appear dangerous. I would suggest to the Honourable Minister to have the whole building re-built, so that this reminder of the Japanese Regime would be totally erased from the minds of the people. Besides, Sir, the new building could be so planned and designed as to give it a truly Malaysian outlook.

Sir, turning next to the Sub-head under Pelabohan² under the same Head P. 49, I see that a sum of \$10,000 is provided in 1972 for acquisition of land for construction of an approach road to the Deep Sea Wharves at Butterworth. Sir, besides this improvement, I feel it is high time for the Penang Port Commission to consider allowing our pilgrim ships to berth at the Deep Sea Wharves at

Butterworth instead of at Penang. One knows, Sir, that thousands of pilgrims travel to the Holy Land of Mecca every year and, in fact, over 90% of the pilgrims are from the kampongs and towns in the mainland. The Penang Port Commission must, therefore, consider the trouble and the time wasted by the relatives, friends and well-wishers of these pilgrims taking the trip to Penang to send the pilgrims off under most trying conditions, especially queuing up for ferries and basking in the hot sun awaiting the departure of the pilgrim ships in Penang. If the Haji boats were to berth in the Deep Sea Wharves at Butterworth, these relatives and friends could come in time to send off the pilgrims and return to their respective homes immediately after the departure of the boats, thus saving them all the inconvenience that they now meet with at Penang. Besides, Sir, this should also help to prevent the long queues of cars always experienced when Haji boats call at Penang. Thank you, Sir.

Tuan Ng Hoe Hun (Larut Selatan): Terima kasih, Tuan Pengerusi, memberi saya peluang berchakap sedikit.

Tuan Pengerusi, saya hendak membawa notis kepada Dewan ini, Buku Anggaran Belanjawan Mengurus, 1972 baharu sahaja kita dapat pada 2hb Februari, 1972. Berhubung dengan Standing Order 65, Buku Anggaran Belanjawan Mengurus, 1972 mesti di-edarkan kepada Dewan ini pada masa Rang Undang² Bekalan di-kemukakan oleh Menteri Kewangan pada 8hb Disember, 1971. Oleh sebab itu macham mana kita boleh mengambil perbahathan dalam Dewan ini. Saya nampak, Tuan Pengerusi, ini melanggar Peratoran Meshuarat Dewan ini, dengan sebab itu, sila beri satu decision.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Yang baharu di-berikan itu ia-lah berkenaan dengan senarai bagi perjawatan di-Kementerian². Ada pun apa yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat itu telah lama di-beri ya'ani buku lain. Saya fikir Ahli Yang Berhormat itu tersilap baca.

Tuan Pengerusi: Perkara itu sudah habis!

Tuan Fan Yew Teng (Kampar): Tuan Pengerusi, saya hendak merojok dengan rengkas-nya ka-atas B. 50 ia-itu mengenai Pechahan-kepala General Administration of Civil Aviation.

(Dengan izin) I wonder, Sir, if most of the chaps in our Civil Aviation Department are sleeping. It must be so, otherwise we would not be faced with another ugly and embarrassing MSA controversy, as has been mentioned by other Honourable Members, with the Singapore Government even on the eve of the M.S.A. split.

Now, Mr Chairman, Sir, the Honourable Member for Ulu Selangor just now said that we are surprised that such a thing has happened again. I would say that I am surprised that he should be surprised because, Mr Chairman, Sir, I think honestly and truly we should not be surprised. Though, of course, in his analysis the Honourable Member for Ulu Selangor seems to be suffering from the disease of nostalgia of Singapore, by praising Singapore and its Government every now and then, I hope that he would not continue doing that to such an extent that it will not only be a M.C.A. split but it will be an Alliance split.

Mr Chairman, Sir, I want to know why the persons in charge of our side never thought of committing all the partners of M.S.A. to a written agreement that in the event of any party using the "MSA" initials after the split it will have to pay a substantial sum of goodwill money. Who has been napping? He should be sacked or those who have been napping should be sacked for allowing this loophole unplugged. The Government should ask the Singapore Government for goodwill money and compensation for the latter's declared intention to continue the use of "MSA" initials, instead of indulging in the mutual idiocy of accusing each other of bad faith.

Tuan Pengerusi, sekarang saya merujuk pada B. 49, kod 1100, Bahagian II di-mana wang sa-jumlah \$11,525 telah di-berikan untuk road transport appeal dan legislation. What I fail to understand is that this Section has only two posts. Perhaps that is the reason why repeated appeals by the various categories of taxi operators and taxi drivers for more rationality in the whole of the transport system in the country appear to have fallen on deaf ears. I therefore call on the Minister of Communications to appoint more responsible and experienced officers to this important Section of his Ministry.

Mr Chairman, Sir, taxi drivers in the country have come in for a hard and unenviable time in the last few years. They

still have not been bailed out of their unhappy situation because, as I have said, the Ministry of Communications has been rather unsympathetic towards their grievances and problems. While remembering the need to be fair to the people who have to travel frequently for work, business and home-going, especially during festivities, we must also be fair to the thousands of taxi drivers who have to eke out a living through a very tough job. Most taxi drivers are either the main breadwinners or even the sole breadwinners of large and poor families. The following are some of the problems and burdens of a driver in possession of a taxi. He has to pay an annual road tax of \$876, remembering the fact that the road tax has been increased by a few hundred per cent in recent years. He has to pay third party insurance of \$230 per year. He has to pay \$9 per month for the mileage meter. Diesel has been increased to 82 cents per gallon, thanks to the Finance Minister; black oil has also been increased to \$5.50 per gallon now. The prices of most engine spare parts have now been increased by more than fifty per cent. He has to pay approximately \$50 per mensem for tyres for his taxi. On top of everything, he gets nothing whenever he has to send his taxi for repairs for a few days. Mr Chairman, Sir, those are the main operational costs which, it will be agreed, are quite an occupational burden and hazard to a taxi driver with a minimum amount of capital resources and many mouths to feed, clothe and school.

I, therefore, call on the Ministry to convene a meeting or a series of meetings with taxi operators to work out a new and more equitable system of taxi fares for taxis which ply between municipal, city and town limits and for those which do long distance travelling, as well as for those which operate to and from airports and ports.

Mr Chairman, Sir, it is in this connection that I would also like to call on the Ministry of Communications to seriously consider issuing taxi licences only to people who are drivers, and not to some absentee taxi tycoons or towkays or orang² besar. The hard-working and often poor taxi drivers themselves or their cooperatives should be helped to become owners of the taxis they drive. This can be done if the licences are issued direct and not to people who merely have the money, the name and the influence.

Mr Chairman, Sir, lately the Ministry of Communications has also given notice of its intention to condemn as unfit and unserviceable taxis with over 10 years of service on the road. While appreciating that there is a necessity to check on taxis of such a time period, I am afraid this sort of arbitrary and summary condemnation of taxis to be unfit and unserviceable just because of the age is unfair to the poor taxis themselves and will undoubtedly aggravate the already heavy burdens of taxi drivers, the problems of whom I have already enumerated just now. Most of these taxis which are 10 years old or more are still in very good condition because of the meticulous care and proper upkeep and maintenance put in by the drivers themselves. These people are prepared to submit their taxis to the authorities for inspection and examination. In fact, they have proposed that such inspections and examinations should be done as thoroughly as possible once in every 6 months, but to have their taxis arbitrarily and summarily condemned just because they are 10 years old or more will be most unkind and unfair. I call on the Ministry to show more compassion as well as commonsense in this matter. Thank you, Sir.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah (Kota Star Selatan): Tuan Pengerusi, berkenaan Kepala B. 49, Pechahan-kepala 1100—Pentadbiran Am. Saya rasa tentu-lah belanja² yang hendak kita keluarkan ini termasuk-lah belanja untuk mengendalikan dan memperbaiki pengangkutan, penumpang² dan barang² melalui keretapi di-Malaysia Barat. Sebab itu-lah satu daripada tujuan daripada Kementerian Perhubungan ini.

Baharu ini, Tuan Pengerusi, kita sangat gembira melihat gambar Yang Berhormat Menteri kita dengan beberapa orang lain anggota² daripada PATA duduk dengan selisa dan di-layani dengan penoh khidmat di-dalam keretapi—ada tersiar di-dalam surat khabar. Kalau demikian-lah benar²-nya terus-menerus keadaan dalam keretapi kita, saya fikir, Tuan Pengerusi, orang tentu-lah berebut² hendak menggunakan keretapi dalam perjalanan mereka sama ada ka-utara atau ka-selatan, sebab ini ada-lah satu keadaan yang baik dan selisa. Tetapi, saya rasa ini ada-lah satu kemalangan juga kerana gambar² yang kita dapati itu ia-lah bila² ada orang besar² (VIP) yang datang berkunjung

ka-Malaysia ini. Tetapi, bagi kita orang² Malaysia, saya rasa sa-hingga ini belum dapat keselisaan, kesenangan apabila menumpang keretapi. Jadi, saya berharap benar²-lah kepada Kementerian ini menjadikan gambaran yang di-tunjokkan kepada pelanchong² atau Anggota² PATA itu menjadi satu hakikat kenyataan sa-berapa yang segera kerana saya khuatir bila² datang besok pelanchong² ini ekoran daripada Persidangan PATA yang 'baharu berlangsong' ini ternampak tembelang kita sa-bagai eye-washing sahaja. Jangan kita di-katakan sa-bagai Pepatah Melayu yang berbunyi: Orang lalu di-tanakkan nasi, orang di-rumah di-biar kelaparan. Saya harap-lah Menteri berusaha benar meneruskan gambaran yang baik itu.

Berkenaan Pechahan-kepala 1100 juga, ia itu Undang² dan Rayuan Pengangkutan Jalan. Satu daripada tugas² Kementerian dalam hal ini ia-lah memproses permohonan² bagi mengadakan sekolah² memandu, saya rasa tentu-lah driving school. Jadi oleh sebab bertambah-nya kenderaan berjentera pada masa ini, tentu-lah pula banyak orang akan meminta lesen memandu dan dengan demikian bertambah pula-lah permohonan mengadakan sekolah² memandu. Apa yang hendak saya sentoh, saya ingin-lah mengingatkan Kementerian kita ini supaya tiap² permohonan itu di-awasi-lah benar² serta di-selideki sa-baik²-nya supaya tidak di-sangsi kejujuran pemohon itu di-dalam serba-serbi. Sebab baharu² ini telah terjadi beberapa perkara yang tidak menyenangkan hati kita yang melibatkan banyak daripada sekolah² memandu ini dan dengan terjadi-nya perkara² yang ta' menyenangkan tadi, kita sangsi lesen² pemandu yang di-keluarkan oleh pehak² yang tertentu itu menerusi sekolah² itu, saya khuatir di-keluarkan tidak dengan betul nisbah kemahiran memandu dan pengetahuan isyarat² dan tanda² lalu-lintas, dan saya rasa ini pun satu bahaya juga, sebab lesen kita keluarkan kepada orang yang tidak layak mendapat lesen, tetapi dapat lesen itu daripada pintu belakang umpama-nya.

Jadi, apa² hal pun saya suka-lah menyeru kepada Kementerian supaya berawas² di-dalam memproses permohonan itu dan untuk lebih sempurna, kenakan-lah satu jaminan, atau yang sa-umpama-nya, dan jaminan itu akan di-rampas bila kira-nya sekolah² itu terlibat dalam perkara² berkaitan dengan pemandu dari segi rasuah dan sa-bagai-nya.

Kemudian B. 53—Jabatan Laut, Kod 1100 (5) Pemereksaan Kapal². Apa yang di-sebutkan oleh penerangan dalam buku ini, Kementerian sedang mengkaji—ulang kaji Ordinan Perkapalan Dagang bagi menyesuaikan dengan keperluan² negara dan tempatan. Ada-kah juga kajian ini termasuk peratoran² kapal² penumpang khusus-nya kapal² yang hendak di-pergunakan mengangkut bakal² haji ka-tanah suci? Memandang kepada beberapa perkara yang tidak menyenangkan hati berhubung dengan kapal² haji yang di-chartered oleh G.M.L. tidak-kah patut satu² langkah di-ambil oleh Kementerian untuk memperbaiki keadaan yang burok itu. Sudah menjadi tanda tanya mengapa kapal itu tidak di-register di-Malaysia, masoh juga PANAMA, dan semua orang tahu betapa tidak kemas, tidak sempurna peratoran² kapal yang berdaftar di-PANAMA nisbah kepada peratoran² negara² lain international. Jadi, supaya hilang ragu² atau tanda tanya yang banyak ini dalam hal kapal haji yang ada sekarang ini, saya rasa Kementerian patut mengambil satu tindakan yang wajar dan memeriksa kapal² itu sa-baik²-nya. Sekian, Dato' Pengerusi.

Tuan T. S. Gabriel (Pulau Pinang Selatan): Dato' Pengerusi, saya menyokong belanjawan Kementerian ini, tetapi saya suka hendak berchakap sedikit.

I am not only surprised, I am also confused over the issue of M.S.A. terutama sa-kali, Dato' Pengerusi, bukan sahaja Malaysia hilang pilot²—kita hilang pilot² ka-Singapura serta juga hilang kapal² terbang Boeing dan yang kita dapat hanya Fokker Friendship 27. Pada masa sekarang, Dato' Pengerusi, kita pun hilang label MSA ka-Singapura dan pada pagi tadi, Dato' Pengerusi, saya pun terkejut sa-masa saya membacha surat khabar *Straits Times* mengatakan berpuluh Pejabat MSA yang kita adakan di-luar negeri lebih kurang 20 buah negeri, pejabat² MSA di-luar negeri itu pun Singapura telah rampas. Bukan satu pejabat sahaja yang di-ambil tetapi lebih kurang 20 buah pejabat; saya tidak bawa surat khabar *Straits Times* mengenai tempat² itu yang ada pejabat MSA di-luar negeri yang di-ambil oleh Singapura. Jadi kita hilang pilot², hilang huruf MSA, kapal terbang Boeing dan juga Pejabat² MSA. Saya tidak tahu, Dato' Pengerusi, mengenai perkongsian itu tentang berapa

banyak share kita dengan Kerajaan Singapura. Nampak-nya kita tidak ada langsung share lagi dalam MSA.

(*Dengan izin*) Dato' Pengerusi, what is involved is the national prestige of a country. It is not the only national airline between two governments or two countries. We have lost the prestige and image with a very cunning neighbour.

I have, Dato' Pengerusi, brought before this House that we have got to be very careful in dealing with the Singapore Government. I do not wish to sound too much of anti-Singapore, but this is a fact. The Malaysian people as a whole are completely surprised over this sudden split. What we know and what I know is that there have been some talks going on about the split. The airline is supposed to split in January, 1973. All of a sudden the split is taking place in July. Dato' Pengerusi, we are not dealing with very sincere people. We have got to be very, very careful; maybe to be insincere when we deal with this. I hope the Honourable Minister of Communications will enlighten this House and the country as a whole the amount of shares Malaysia holds in the MSA, whether we have a quarter share or we have no share at all, the way things are happening. Thank you.

Tuan Su Liang Yu (Bruas): (*Dengan izin*) I would like to touch on Kepala Bekalan B. 49, Kod 1100, Item (4) Road Safety; Kepala Bekalan B. 55, Kod 1100, Item (4) Testing and Licensing of Drivers and Item (5) Commercial Licensing.

Road accidents are caused by reckless and careless driving, and more often such accidents are usually caused by the military trucks, police vehicles, lorries and taxis. Many public have lost their lives because of careless driving. So I urge the Ministry to try and minimise the road accidents by inculcating the road safety consciousness to the military and the police personnel and also to see that such vehicles have the adequate licences and insurance covers to protect the public. I also urge the Ministry to educate the public on good road manners through road safety campaigns such as films, exhibitions, television and radio programmes at Federal State and District levels.

Though in 1970 and 1971 road safety campaigns for a month had been launched, yet we can see for ourselves numerous road

accidents which are increasing day by day. So the Government should provide the public with minimum safety by introducing deterrent punishment for those reckless and careless drivers who cause deaths amounting to manslaughter irrespective of rank or position or race.

Mr Chairman, Sir, a number of such accidents happened in my constituency where pedestrians or rubber tappers were treacherously killed in road accidents caused by prominent people. Then the court usually bound them over and sometimes the police chose to charge the deceased for causing the accident! Sir, the law does not provide any difference between the rich and the poor, the high ranking public figures and the laymen, but the court house in Sitiawan will substantiate my allegation of such a nature which happened between 1969 and 1971. A taxi driver knocked down a motorist who subsequently died and the taxi driver was convicted and sent to imprisonment for six months. But a prominent public figure who killed a pedestrian while driving carelessly at High Street was only bound over by the same trial magistrate.

Sir, is this what we proudly call road safety and justice? There is only one Road Transport Department in each State to register new vehicles, issue of driving licences, transfer of ownership, etc. and the result of over-loaded work has caused a lot of dissatisfaction and inconvenience to the public.

The Ministry must set up more such departments of this nature in the major towns, in Malaysia to lighten the work of the staff and to provide more efficient service to the public. Sir, we are aware of the long queue and big congestion in the Road Transport Department, Perak in Ipoh, where people have to wait for a long time to get their licences renewed. Sometimes people have to approach the petition writers in order to get their licences quickly. Maybe the clerks there are overworked and that is why they are not courteous. Therefore, I would suggest that the Department issue a temporary receipt to ease the congestion and the unnecessary approach to the petition writers and by so doing, they need not be afraid of their fees being increased, and the Department could issue them with their licences in due course.

Sir, touching on taxi licences, many possess two or more taxi licences and then sub-let most of them to the taxi drivers who

have to pay them a considerable sum each day, whilst enjoying the profits at the expense of those taxi drivers. I would urge the Ministry to consider seriously whether it is fair to hold two or more taxi licences and then sub-let them to others. Sir, it is logical and fair that those licences be cancelled and given to those drivers who are actually operating those taxis. I know quite a number of taxi drivers who rented their taxis from their bosses. They are paying as much as \$20 or \$15 per day for the use of their vehicles and in order to get \$20 or \$15 a day, they have to make several trips, for instance from Sitiawan to Ipoh or from Sitiawan to Taiping in order to get sufficient income to pay for their own labour as well as for the hired charge of the taxis.

Sir, I do not see any reason why and how those who do not need such taxi licences should be given such privileges to get profit from the poor taxi drivers, who often made applications to the Road Transport Department to get licences but more often, their applications have been refused for the simple reason that too many licences have been given to that district. Sir, sometimes, such licences were sublet to people from far away, so that the kampongs or villages which are supposed to have at least two or three taxis have to face the acute shortage of taxis stationed at their area. Sir, for the interest of the people, particularly those who are working to earn a living, from hand to mouth, the Honourable Minister should look into this matter and issue more taxi licences to taxi drivers to operate taxis. Thank you.

Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun minta kebenaran berchakap di-atas B. 49—Kementerian Pengangkutan.

Sa-bagai wakil dari Larut Utara, saya menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada pehak Menteri kita kerana jaya-nya membuat undang³ dan memberi nasihat kepada chara membetulkan jurang kepunyaan tuan punya pengangkutan di-antara bumiputra dengan bukan bumiputra. Di-atas segala usaha beliau kerana mengatasi masalah yang rumit ini, saya ucapkan ribuan terima kasih dan juga memang-lah, Tuan Pengerusi, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pertanian dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bagi satu negara yang membangun mana² sa-kali pun dalam dunia ini mendapat tegoran dan kechaman

dari pehak ra'ayat jelata kerana kita ingin memperbaiki Kementerian yang saya telah sebutkan tadi.

Satu tamparan yang hebat Kerajaan kita terima ia-itu dengan pepechahan MSA kita, Tuan Pengerusi, saya tahu hal ini ia-itu menjalankan perundingan pepechahan dan pepisahan ini telah berjalan lama dan kapada pegawai² kita yang ambil peranan di-atas persoalan pepisahan ini, saya ber-simpati penoh dengan mereka itu kerana kita berfikir pegawai² kita itu berunding dengan manusia yang bersiuman yang mempunyai akal dan fikiran, makan nasi macham kita juga, tetapi malang-nya, Tuan Pengerusi, pegawai² kita telah pun dapat berunding dengan bukan manusia, bahkan orang² yang tidak bertanggung-jawab, dan saya menggunakan huruf ia-itu orang² ini ia-lah orang² yang dishonest. Saya ulangi sa-kali lagi orang² yang dishonest. Saya fikir ini soalan besar, Tuan Pengerusi. Dan huruf MSA ini, saya harap Kementerian yang berkenaan menerusi wakil kita di-Singapura minta huruf itu Kerajaan Singapura terek balek, kalau tidak satu tindakan balas kita mesti jalankan, kerana ini satu tamparan yang hebat kapada Kerajaan kita pada keseluruhan-nya. Chuba kita fikir, Tuan Pengerusi, kalau kita ambil huruf: PANAM, QANTAS atau pun BOAC kita pakai apa akan jadi kapada satu² negara di-mana juga dalam dunia ini. Jadi ini ia-lah saya ulangi sa-kali lagi ia-lah satu act of dishonesty dan huruf ini kita ta'kan biar, kalau Kerajaan Singapura tidak terek balek dengan kegunaan huruf ini, ta'kurang, ta' lebeh daripada itu, kalau tidak saya chadangkan kapada Kerajaan kita, kita chari satu jalan yang lain, kita fikirkan persahabatan kita dengan Singapura dan juga persoalan memberi ayer dan sa-bagai-nya kapada pehak Singapura. Kita ada jalan kita yang ber-sendirian yang kita boleh ambil tindakan balas kapada Kerajaan Singapura itu, jikalau mereka tidak terek huruf MSA itu.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan Far East Freight Conference selalu menaikkan freight charges-nya daripada satu tahun ka-satu tahun, lebeh² lagi apabila negara kita hendak menjalankan Ranchangan Malaysia Kedua kita ini dan memikirkan soal getah kita jatuh, harga bijeh kurang baik dan juga minyak kelapa sawit. Orang² ini juga, orang² kaum

kapitalis ini mengambil untong yang berlebihan². Chuba, Tuan Pengerusi, fikir, tidak banyak sangat kita berbelanja menjalankan kapal² ia-itu kapal bukan pakai tayar, kapal jarang rosak. Mengapa naikkan harga freight-nya daripada satu masa ka-satu masa. Kadang² sa-tahun itu dua kali naik. Jadi saya shor kepada pihak Menteri yang bijaksana memikirkan kalau kita dapat berunding supaya mereka itu fikir jangan sabotajkan Rancangan Malaysia Kedua kita ini, kita mesti chari jalan. Barang di-ingat, Tuan Pengerusi, bukan mereka sahaja ada mempunyai kapal² dalam dunia ini. Kita pun satu negeri yang beraja, berdaulat dan kalau mereka tidak boleh bantu kita yang betul² berpakat dan bertolak ansor, kita boleh pergi berpakat dengan orang lain. Saya sokong perbelanjaan ini dengan kuat-nya, Tuan Pengerusi. Terima kaseh.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian di-dalam ini dan menyokong sapa²nya di-atas belanjawan untuk Kementerian ini. Tetapi hari ini saya baca surat khabar berkenaan dengan MSA ini akan berpechah dengan kita. Kita tahu akan berpechah pada tahun 1972-1973. Jangka-nya kepada kita Kerajaan Malaysia sudah siap. Kita tahu kita hendak bercherai. Isteri kita burok, isteri kita ta' beri kita makan, layanan ta' betul. Jadi hendak bercherai. Jangka-nya si-laki² ini mesti bersiap-lah hendak chari orang lain, tetapi yang sa-benar-nya kita ta' bersiap betul, ashek berunding², berunding² dan dia pandai, saya ta' menyalahkan Singapura, sebab dia pandai, dia mengambil timing, dia tengok kelemahan² kita, oleh sebab Kerajaan Malaysia ini lemah, dia tahu kita selalu bertolak ansor, ia-itu chara² kita berunding, sebab dalam MSA ini, MAS Kerajaan Malaysia yang berunding itu pegawai² Kerajaan. Pegawai Kerajaan di-dalam business—sebab MSA ini ia-lah dalam lapangan business, kurang sa-bagaimana yang di-katakan oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat tadi. Kata-nya betul, sebab pegawai² Kerajaan ta' chekap dalam perundingan² samacham ini, sebab ini ada-lah satu business juga.

Dengan sebab itu, dahulu saya telah katakan, kita mesti siapkan tempat membaiki kapal terbang kita. Kita mesti siapkan runway yang lebih panjang, kita mesti siapkan serba serbi-nya sa-masa kita

hendak berpisah lagi pada tahun 1973. Bukan Yang Berhormat Menteri ini. Masa itu, masa dahulu; Menteri baharu ini baharu satu bulan, tidak boleh di-salahkan dan Menteri yang dahulu itu mesti-lah bersiap. Tidak ada apa² persiapan dan dalam perundingan² kita selalu kerugian² yang kita dapati. Kita tahu, ia-itu Singapura, Tuan Pengerusi, dia tidak hendak terbang dekat², dia akan terbang jauh², sebab Singapura satu pulau yang kecil, daripada Kallang Airport ka-Changi, balek ka-Woodland naik kapal terbang ini. Jadi, dia mesti terbang jauh²—ka-Tokyo, ka-London, ka-New York dan sa-bagai-nya.

Jadi, pembahagian ini kita pun mesti pandai. Kita tidak mahu di-beri-nya kapal terbang 'Fokker Friendship'. Boleh, kita ambil 'Fokker Friendship', tetapi macham orang berniaga juga, kalau barang itu sudah tidak laku lagi, hendak jual kepada siapa? Bukan-kah baik di-jual, kita bahagi dua orang, sebab kita tahu, dia tidak boleh pakai itu. Dia ambil Boeing 707, dia tidak hendak ambil Boeing 737. Kita ini ambil 'Fokker Friendship' yang tidak laku, yang tidak berguna kita ambil juga. Dia beri. Jadi, kita ini baik hati. Pegawai² kita yang berunding, entah maham mana yang di-rundingkan, maka kita ambil-lah yang 'Fokker Friendship'. Boeing 737, 707 kita tidak ambil, hendak salahkan siapa? Boleh-kah kita salahkan Singapura? Saya bukan menyebelahi Singapura, tetapi Singapura pandai, shabas Singapura! Dan di-sini juga kalau sudah besok sudah berpechah, sudah siap serba sedikit MAS ini, saya harap MAS ini jangan macham National Shipping kita. Apa sebab-nya saya katakan National Shipping, oleh kerana apabila kita ada National Shipping—untuk kebangsaan, orang Hong Kong mempunyai saham sa-banyak 15% atau pun 20%. Ada-kah National Shipping, National Airways orang lain mempunyai saham. Kita tanya apa sebab-nya? Oh! kita tidak pandai bawa kapal, no experience. Dengan sebab itu, kita terpaksa mengambil orang Hong Kong menjadi partner kita—nama-nya National Shipping, illogical sama sa-kali.

Jadi, ini kalau hendak beli kapal, hendak jadikan National Shipping, bukan orang yang mempunyai saham itu akan membawa kapal—tidak ada sama sa-kali. Orang yang membawa kapal itu ia-lah kapten kapal; boleh di-ambil daripada Jepun, daripada

Jerman, daripada Inggeris dan daripada Amerika, gajikan mereka; sebab mereka mempunyai kelayakan. Hendak jadikan manager bagitu juga boleh ambil orang² lain, tetapi bila di-tanya apa sebab, di-sebabkan oleh kerana kita tidak ada kelayakan, memberi saham 15% kepada orang Hong Kong. Jadi, chara² ini besok kalau MAS bagitu juga, bagi saham kepada orang Inggeris, atau kepada orang lain, oleh kerana orang Inggeris pandai bawa kapal terbang dan ada experience-nya, saya harap jangan chara ini berlaku lagi.

Jadi, berkenaan dengan kapal, hendak membeli kapal pada hari yang akan datang, National Shipping ini akan membeli kapal² lagi. Saya ingatkan kepada Kementerian; hari itu Ahli Yang Berhormat dari Lipis menyatakan kalau hendak kahwin, jangan kahwin dengan janda Arab. Entah apa sebab-nya, saya tidak tahu, tetapi ini ada-lah pepatah. Kalau hendak membeli kereta lembu, jangan beli kereta lembu Benggali.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Boleh-kah wakil dari Kuala Selangor memberitahu mengapa-kah kalau hendak kahwin jangan berkahwin dengan Benggali. Apa-kah sebab²-nya (*Ketawa*).

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Kata orang terlampau lasak. Itu sebab-nya, terlampau lasak. Jadi, hendak berbasikal bagitu juga. Jangan beli basikal entah apa, saya pun tidak tahu-lah. Saya harap bila beli kapal, kapal second hand, jangan macham nanti beli kapal² yang di-tengah laut sudah rosak. Baharu² ini kita dengar kapal Haji rosak, tengah laut terkapong², terkapong, terkapong. Di-tengah laut dia rosak. Jangan chara ini berlaku lagi sa-kali. Itu saya ingatkan kepada Kementerian yang bertanggung-jawab.

Saya tidak hendak berchakap panjang², chuma lagi satu sahaja, ia-itu berkenaan dengan teksi di-airport. Berkenaan dengan teksi di-airport, saya tengok teksi² airport, terutama sa-kali "Matahari". Pembesar Road Transport telah mengatakan bahawa teksi² "Matahari" yang tidak baik ini semua mesti di-gantikan dan beli yang baharu, kalau tidak kansel lesen-nya. Saya harap kepada Kementerian yang bertanggung-jawab, kalau tidak di-gantikan kereta² ini dengan yang baharu, buat malu sahaja; motokar², teksi² yang tidak berguna itu,

yang di-adakan di-airport pun lintang-pukang, kanselkan lesen habis²; saya minta kepada Kementerian yang bertanggung-jawab.

Yang kedua, saya minta juga, sudah lama di-minta, malu betul, oleh kerana airport bochor; sudah lama di-chakap²kan, hendak repair. Sudah di-panggil kontrekter hendak repair. Orang J.K.R. pun ada di-sini, engineer J.K.R. ini, sampai hari ini bochor sahaja. Kalau tidak perchaya Menteri yang bertanggung-jawab, di-masa hujan lebat, mari pergi bersama², mari tengok—bochor. Jadi, patut sa-kali-lah, oleh kerana PATA ini-lah, airport itu chantek, best in the world, tetapi bochor. Kita berasa malu sedikit. Jadi, kerana Menteri itu pun menengokkan jam-nya, saya tidak hendak panjang² ucapan saya. Saya harap-lah perkara ini di-ambil tindakan. Sekian, terima kaseh.

Tuan Valentine Cotter (Bau-Lundu): Tuan Pengerusi, saya suka berchakap sedikit di atas Pechahan-kepala 34—Pembangunan Pelabohan², muka 344.

Tuan Pengerusi, pembangunan² pelabohan ada-lah sangat penting untuk negara kita supaya lebeh banyak kapal² yang besar datang membawa barang² dari luar negeri ka-negara kita, khas-nya di-Sarawak patut di-ambil perhatian oleh Kerajaan pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, pertama saya ingin hendak tahu pada bulan November, 1971, tidak chukop beras di-Kuching (Sarawak) oleh sebab kapal yang membawa beras itu lambat sangat datang. Mengapa-kah kapal yang lain² tidak boleh membawa beras ka-Sarawak dan saya harap perkara ini jangan berlaku lagi.

Sekian sahaja dan saya menyokong Kepala B. 49 ini.

Terima kaseh.

Tuan Abu Bakar bin Umar (Kubang Pasu Barat): Tuan Pengerusi, dalam membahathkan peruntukan Kementerian Pengangkutan, Kepala 49 ini, saya ingin menyampaikan sedikit sa-banyak rasa tidak puas hati pehak orang ramai bersangkut-paut dengan pemberian lesen² teksi. Tuan Pengerusi, oleh kerana pembangunan negara sekarang ini khas-nya luar bandar berjalan dengan pesat dan dengan deras dan dengan baik, segala kampung² yang belum sampai oleh kereta sekarang sudah sampai, tetapi

bas ta'boleh sampai, maka permohonan² untuk mendapatkan permit teksi banyak dimohonkan. Tetapi sampai sekarang ini, Tuan Pengerusi, permohonan daripada orang² yang berhak mendapat dan berhak mendapat tempat² yang ada kosong teksi, belum-lah dapat layanan yang sa-wajar-nya. Sa-balek-nya, Tuan Pengerusi, apa yang berlaku khas-nya di-negeri saya ia-itu di-negeri Kedah, baharu² ini lebeh daripada 20 buah lesen teksi yang di-beri atau pun yang di-luluskan. Apa yang saya tahu dengan tidak ada mempunyai iklan di-surat² khabar dan tahu² sahaja ada yang mendapat lesen teksi. Bagaimana-kah chara-nya, saya pun ta'tahu, Tuan Pengerusi, dan saya berharap perkara² ini mendapat perhatian daripada Menteri yang baharu, oleh kerana saya tahu Menteri yang baharu ini, kadang² beliau marah, kalau kita komplek dalam Dewan ini, dan saya, Tuan Pengerusi, tidak-lah berhajat berchakap banyak, chuma yang saya berharap kepada Menteri yang berkenaan supaya dapat melakukan keadilan di-dalam soal memberikan permit teksi itu.

Tuan Pengerusi, yang kedua-nya soal keselamatan jalan raya. Kalau di-masa dahulu masa zaman dua tiga ribu tahun dahulu, Tuan Pengerusi, manusia takut di-sambar oleh geroda, tetapi sekarang ini, Tuan Pengerusi, manusia takut dengan lori² yang besar yang sedang berjalan atau sedang operate di-tengah² jalan raya. Apa yang saya tahu dan pernah saya lihat, Tuan Pengerusi, tiap² lori yang besar yang tayar-nya 10 atau pun 12, di-tulis di-sana 20-25 b.s.j.—lori itu boleh ma'ana-nya di-benarkan mengikut undang berjalan 20-25 b.s.j.

Tuan Pengerusi, sa-kali fikir, boleh-kah lori ini yang memuat 8 tan atau pun 10 tan berat-nya dia berjalan dengan 20 b.s.j.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Pengerusi, untuk penerangan. Saya sudah beri akuan sa-malam, saya akan perbaiki, kalau 20 b.s.j. terlampau slow taroh-lah 30, tetapi kalau berlanggar penyek nanti.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Pengerusi, saya pun berchadang bagitu juga, tetapi ini-lah yang susah dan saya harap Menteri yang berkenaan ini, jangan marah² Tan Sri.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya ta'marah. Saya sudah beri akuan sa-malam yang 20 b.s.j. itu ta'menasabah, jadi kita

akan kira apa-kah had laju yang menasabah 30 atau 25 b.s.j.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Pengerusi, itu-lah masaalah-nya, ada-kah menasabah kalau lori² yang lari 30-40 b.s.j. lori besar, lari sa-laju 40 b.s.j.—angin-nya sahaja, Tuan Pengerusi, kalau kena kereta macham kereta saya pun hampir² hendak terbalek. Apa-tah lagi manusia² yang menaiki basikal. Oleh sebab itu-lah kebanyakan jadi berlaku-nya kemalangan jalan raya ini oleh lori² demikian, maka saya mengeshorkan ta' usah adakan lori besar², Tuan Pengerusi, kechil sahaja ta' mengapa, asalkan banyak.

Tuan Pengerusi, soal perjalanan penerbangan kapal terbang daripada Alor Star ka-Langkawi, atau pun daripada Bayan Lepas ka-Langkawi. Saya dapat tahu, Tuan Pengerusi, dan saya perchaya kita semua tahu bahawa Langkawi ini akan menjadi satu tempat tumpuan ramai, tetapi-nya saya tidak-lah memikirkan masaalah tumpuan ramai itu, tetapi soal-nya pendudok² Langkawi ini amat-lah menderita, atau pun susah di-waktu menghadapi penyakit², oleh sebab hospital besar ta' ada di-Pulau Langkawi itu, maka hospital besar itu letak-nya di-Pulau Pinang. Apa jadi-nya Tuan Pengerusi, kalau sa-orang yang sedang sakit terok hendak di-bawa ka-Hospital, sangat-lah payah. Maka sebab itu-lah, jikalau ada jalan penerbangan—dahulu ada, Tuan Pengerusi, tetapi sekarang di-berhentikan, saya pun ta' tahu-lah apa sebab-nya, dan saya minta kepada Menteri yang berkenaan supaya dapat mengatasi perkara ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, soal MSA dengan MAS ini, saya ta' usah-lah berchakap, tetapi saya hairan apa sebab-nya selalu Singapura dengan Malaysia ini Malaysia yang selalu kena telan. Ini saya berasa ajaib. Sekian, Tuan Pengerusi. Terima kaseh.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap mengenai dengan Kepala B. 55, 58, dan B. 59. Yang pertama sa-kali, Tuan Pengerusi, saya ingin menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Menteri yang baharu kerana telah di-beri keperchayaan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi mendudoki tempat-nya yang asal sa-bagai sa-orang yang telah banyak berpengalaman dengan Kementerian yang baharu ini, dan ada-lah menjadi

harapan, pertama sa-kali bagi kalangan bumiputra yang ingin maju di-dalam perusahaan pengangkutan. Kapada Yang Berhormat Menteri ini supaya segala akuan yang telah di-beri di-dalam Dewan ini sama mengemukakan perbekalan ini dapat di-sempurnakan dengan sa-sungguh-nya. Saya suka membaca dua tiga baris daripada apa yang telah di-tegaskan oleh Yang Berhormat Menteri pada masa mengemukakan perbekalan bagi Kementerian ini ia-itu kata-nya:

"Seperti mana Dewan ini ma'alom Kementerian yang dahulu-nya di-namakan Kementerian Pengangkutan telah pun sekarang di-namakan Kementerian Perhubungan dan Jabatan Talikom dan Perkhidmatan Pos yang dahulu-nya di-bawah Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom di-letakkan di-bawah Kementerian saya. Saya ingin menerangkan kapada Dewan ini akan matlamat² dan aktiviti² Kementerian Perhubungan."

- (f) Menggalakkan penyertaan bumiputra² di-lapangan perusahaan² pengangkutan jalan terutama sa-kali perusahaan lori; dan
- (g) Untuk mengadakan satu Perkhidmatan Pos dan Talikom yang cekap dan sempurna."

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh berkenaan dengan Pengangkutan Jalan seperti Pechahan-kepala 1100, Pechahan-kepala Kechil (1), (2), (3) dan (4). Pada masa ini, Tuan Pengerusi, masalah bumiputra yang mengambil bahagian dalam perusahaan pengangkutan ini sa-bagai perusahaan yang baharu dan di-galakkan oleh Kerajaan. Saya nampak ada satu masalah yang patut dan perlu di-beri perhatian lebeh oleh Yang Berhormat Menteri yang baharu ini ia-itu menghapuskan syarat yang di-kenakan sa-lama ini tentang had jalan yang boleh di-lalui oleh sa-saorang yang mendapat permit lori Kelas "B". Sebab saya rasa, Tuan Pengerusi, tidak menasabah kita menggalakkan kalangan bumiputra mengambil bahagian dalam pengangkutan seperti Pantai Timor, maka kita beri-lah kapada dia had jalan-nya untuk Negeri² Kelantan, Trengganu dan Pahang. Apa-kah perniagaan yang dapat di-jalankan oleh kalangan ahli² perniagaan bumiputra kalau hanya mendapat permit lori untuk membawa barang² dalam negeri Kelantan Trengganu dan Pahang, kalau tidak di-beri peluang untuk mereka ini membawa barang²

ka-Johor Baharu, Negeri Selangor, Kuala Lumpur, Ipoh, Melaka dan lain².

Saya fikir, Tuan Pengerusi, dengan fahaman saya yang maseh muda ini, kalau chara ini kita memberi permit kapada orang Melayu bukan-nya hendak suroh orang Melayu menjalankan lori itu mengikut peratoran, tetapi sa-chara tidak langsung sa-olah² kita hendak menggalakkan orang Melayu supaya menjalankan perniagaan menerusi suatu chara yang kurang halal dan ini telah di-lakukan dalam negeri ini. Yang saya maksudkan kurang halal bagini, Tuan Pengerusi, saya dapat tahu sekarang ini ramai daripada kalangan bumiputra yang mendapat permit lori Kelas "B", kerana perjalanan yang di-hadkan kapada Kelantan dan Trengganu sahaja, tetapi dia terpaksa menjalankan juga perniagaan ka-Kuala Lumpur ini, maka untuk membolehkan dia masuk ka-Kuala Lumpur terpaksa di-buat persediaan di-beri kapada pemandu itu wang tunai sa-banyak \$80 atau \$100 sa-kali datang ka-Kuala Lumpur ini untuk di-beri habuan kapada mereka yang menyekat di-tengah² jalan raya. Saya tidak tahu, Tuan Pengerusi, sama ada ini di-namakan rasuah atau pun tidak, tetapi benda ini berlaku, Tuan Pengerusi, dan saya berani memberi jaminan kapada Yang Berhormat Menteri kira-nya ini kenyataan yang benar berkaitan dengan ini boleh saya membawa pemandu², tetapi hendak-lah di-adakan perjumpaan sa-chara tertutup dan di-beri jaminan bahawa kedudukan mereka selamat.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Untuk penjelasan. Orang² yang berniaga sendiri, kalau ada keterangan yang tertentu sama ada berniaga dia sampai ka-Kuala Lumpur, atau ka-langit biru, kalau ada keterangan kita beri, yang susah-nya dia tidak ada keterangan, dia sapu yang "A", ini kita potong lesen dia.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Pengerusi, masalah keterangan ini-lah yang menyukarkan sangat. Saya bukan-lah hendak menyentuh soal perkauman di-dalam Dewan ini, fasal kita ada undang² yang tidak boleh, tetapi hakikat yang sa-benar-nya berlaku dalam tanah ayer kita ini. Kurang benar mereka daripada kalangan bukan bumiputra ini hendak menolong bumiputra. Dengan sebab itu-lah kalau mereka menjalankan perniagaan ka-Kuala Lumpur ini, mereka berhubung dengan ahli perniagaan yang bukan bumiputra, tetapi ahli² perniagaan yang bukan bumiputra ini amat kurang yang

ingin memberi rasip dan sa-bagai-nya untuk membuktikan bahawa ada hubungan-nya peniaga² bumiputra dengan orang yang bukan bumiputra yang ada di-Kuala Lumpur ini. Ini kenyataan yang terang. Kemudian pula, Tuan Pengerusi, apabila pergi kepada Lembaga Pelesen, ini masa yang sudah², pehak kampeni yang besar² yang sudah di-beri road-nya, jalan-nya bagitu luas kepada mereka, di-beri peluang kepada orang ini pula menentang pemohon daripada bumi-putra. Mereka membawa loyar di-hadapan, tetapi bagi kalangan bumiputra yang bagitu miskin tidak mampu hendak menghadapi kalangan ini, kerana mereka tidak dapat mengadakan loyar menghadapi kalangan yang saya sebutkan tadi. Jadi, itu-lah sebab-nya sa-bagai chara di-luar, chara di-luar undang² mereka terpaksa-lah meresevkan wang seperti yang saya sebutkan tadi, Tuan Pengerusi.

Kemudian, Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan chara menopoli permit bas. Negeri Trengganu hanya-lah sa-buah sahaja ada sekarang ini; Trengganu Bus Company. Kemudian apabila di-tanya kepada Kementerian yang berkenaan masa dahulu, ini saya tidak tahu-lah dasar baharu Menteri baharu sa-bulan ini, tetapi dasar lama masa Menteri baharu ini juga dahulu, apabila di-tanya maka jawapan-nya undang² ada dalam negeri kita ini, apabila sudah di-luluskan jalan ini untuk kampeni ini, maka kampeni baharu tidak boleh masok. Jadi kalau orang Melayu hendak mulakan dalam perusahaan bas ini, chari-lah jalan² baharu di-luar bandar. Semua ra'ayat negeri ini menyedari, Tuan Pengerusi, jalan² baharu yang baharu di-bena itu erti-nya jalan yang belum terjamin tentang baik dan burok-nya, kebanyakan-nya jalan² yang burok. Jalan² yang kurang maju, jalan² yang tidak bagitu ramai, maka di-situ-lah di-beri peluang kepada orang Melayu menjalankan per-niagaan bas, menjalankan perusahaan bas. Apa salah-nya kalau kita hapuskan undang² ini dan di-beri kebebasan mana² ahli per-niagaan bumiputra yang mempunyai kesanggupan untuk mengambil bahagian dalam perusahaan pengangkutan ini beri peluang kepada mereka bersaing dalam bandar, sebab di-dalam bandar-lah tempat boleh menunjukkan kebolehan. Tetapi kalau di-kawasan pendalaman di-beri kepada orang Melayu, dalam bandar di-beri kepada orang yang bukan Melayu. Saya fikir ini bukan-lah satu chara yang boleh menjamin 30 tahun lagi

orang Melayu akan mendapat tempat dalam perusahaan pengangkutan seperti yang kita kehendaki.

Bas juga, Tuan Pengerusi, saya suka sentoh berkenaan bas sekolah. Kalau kita tengok bas sekolah ini, Tuan Pengerusi, ia-lah untuk kanak². Jadi kalau bas sekolah di-isikan murid² sekolah itu lebeh daripada had dan sa-tiap kali berlaku kemalangan bas sekolah ini amat sedih, kita menerima berita bahawa kanak² sekolah menerima kechederaan jalan raya dengan sebab bas sekolah itu burok. Kalau dalam negeri Trengganu saya ingat, Tuan Pengerusi, tidak lebeh daripada tiga buah untuk budak² sekolah ini yang baharu. Lain itu bas yang sudah di-fikirkan tidak terdaya untuk membawa penumpang luar, maka itu-lah di-buat bas sekolah. Tidak-kah ini suatu keaniayaan yang di-lakukan oleh sharikat kepada kanak² sekolah?

Pada satu masa di-hadapan Balai Polis Kampong Raja terchabut tayar bas sekolah. Biasa-nya bas sekolah ini kalau hendak melintas balai polis tentu-lah dia berjalan perlahan, tidak berjalan 50 atau 60—per-lahan, tetapi dengan perlahan terchabut tayar. Jadi ini-lah, Tuan Pengerusi, saya beri pandangan sunggoh² berkenaan dengan bas sekolah supaya Menteri yang baharu ini dapat memberi pertimbangan yang sa-chara kebajikan kepada kanak² sekolah.

Dan satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, apa yang saya hairan masaaalah penguji dan perlesenan pemandu² ini. Sudah menjadi perchakapan umum, Tuan Pengerusi, walau bagaimana chekap-nya sa-orang itu kalau dia tidak terlebih dahulu memasoki sekolah pemandu barangkali 20 kali dia memasoki ujian tidak sampai 10% yang boleh mendapat lesen. Tetapi kalau dia menerusi sekolah driver atau sekoleh pemandu yang dahulu tidak pernah ada lesen masok sahaja sekolah driver boleh dapat lesen. Saya tidak tahu apa-kah hubungan-nya antara orang² yang mentadbirkan sekolah pemandu ini dengan penguji² lesen yang ada di-dalam Jabatan Pengangkutan ini. Tetapi chakapan² umum mengatakan, \$20, \$30, \$40—ada bahagian-nya. Sama ada benda ini betul atau tidak, saya minta pehak Badan Penchegah Rasuah mengawasi masaaalah ini sa-chara lebeh berkesan. Sebab ini, Tuan Pengerusi, melibatkan ra'ayat yang miskin untuk mendapatkan lesen kerana memandu sa-buah motor cycle, belajar sendiri tidak payah lagi memakai driver kanan, motokar

berkehendakkan driver sa-belah kanan, tetapi pemandu motor cycle tidak payah driver kanan, belajar sendiri, beli motor-nya sendiri, 5 kali test belum lagi dapat lesen. Kerana hendakkan juga lesen, masuk sekolah driver, dua hari, tiga hari test kali yang ke-tujuh—dapat. Jadi tidak faham di-mana kedudukan-nya.

Tuan Pengerusi: Panjang-kah lagi Ahli Yang Berhormat?

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tidak panjang, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ramai Ahli yang lain hendak berchakap.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Saya pun bertimbang rasa, Tuan Pengerusi.

Berkenaan dengan Perkhidmatan Pos, saya quote di-atas ucapan Menteri mengatakan "untuk mengadakan satu Perkhidmatan Pos".

Masalah Pos ini satu sahaja yang saya selalu dengar sekarang ini surat tidak sampai. Surat yang di-hantar oleh Jabatan Kerajaan kepada ra'ayat di-pendalaman tidak sampai. Bila di-siasat rupa²-nya ada satu kaedah di-dalam Pejabat Pos ini, yang amat menyedehkan ia-itu kawasan² pendalaman kita ada Wakil Pos. Maka tugas yang di-beri pada Wakil Pos itu hanya-lah menerima surat yang di-hantar daripada Post Office, longgok di-situ, letak dalam kotak, kemudian tuan-nya-lah sendiri datang menchari di-Wakil Pos itu kalau ada-nya tidak surat dia. Jadi, Tuan Pengerusi, kata-lah kalau saya menulis surat kepada sa-orang yang duduk di-kawasan pendalaman, mana dia tahu saya hendak menulis surat kepada dia yang dia hendak pergi menchari tempat di-Wakil Pos itu surat? Jadi saya fikir, Tuan Pengerusi, patut-lah system ini kalau sudah Wakil Pos itu kita memberi habuan kepada dia, biasa-nya \$25 kalau tidak silap ingatan saya, apa salah-nya kita adakan juga Wakil Postman yang sachara Wakil Pos tadi juga, sa-kurang²-nya dapat menyelamatkan surat ra'ayat di-kawasan pendalaman. Sebeb ini memang benar² terjadi, Tuan Pengerusi.

Dan perkara yang akhir sa-kali, Tuan Pengerusi, yang saya suka sebut di-sini dalam minggu yang lepas saya sudah sebutkan benda ini, tetapi saya belum mene-

rima jawapan daripada Menteri yang berkenaan, tentang kebochoran wang Kerajaan menerusi Jabatan Talikom.

Kalau ahli perniagaan bayar dia punya bill talipon tidak sampai \$100 sa-bulan, perniagaan besar, sudah tentu kita mendatangkan suatu shak wasangka, Tuan Pengerusi. Sebab kalau hendak di-bandingkan dengan orang ahli perniagaan kechil, dia bayar sampai \$150, \$180, tetapi ahli² perniagaan besar terbalek \$100, \$90. Hendak katakan ahli perniagaan besar ini tidak menggunakan talipon, kurang perchaya, tetapi sudah menjadi perchakapan umum—ada pembahagian-nya. Pendek kata jarang sangat di-rekodkan panggilan luar yang digunakan oleh ahli² perniagaan besar itu oleh operator. Kerana ada pembahagian bulanan—cherita-nya. Jadi saya tidak tahu, Tuan Pengerusi, sama ada benda ini betul atau tidak, tetapi hanya-lah Badan Penchegah Rasuah sahaja yang boleh menentukan sama ada benda berlaku atau tidak di-dalam Jabatan Talikom. Jadi sekian, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Dr Tan Chee Khoo (Batu): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahathan belanjawan yang dikemukakan oleh Menteri Perhubungan dan saya mohon izin berchakap dalam bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia.

Tuan Pengerusi, yang pertama saya hendak menyentoh sedikit sa-banyak tentang B. 52—Perkhidmatan Kaji Chuacha.

Tuan Pengerusi, kami tahu oleh sebab di-dalam musim hujan, jika Jabatan ini tidak membuat maka kami tidak dapat memberi penerangan yang sesuai supaya ra'ayat terutama di-kawasan yang kena ayer bah boleh mengambil langkah² untuk mengatasi masalaah² yang akan timbul. Tetapi apabila saya membacha peruntukan ini dengan teliti, malang-nya, sa-umpama-nya, Tuan Pengerusi, di-dalam muka surat 357—Kajichuacha-Hydro di-Malaysia Barat. Ditahun yang lalu 6 pegawai sahaja, tahun yang akan datang 6 pegawai sahaja.

Climatology—tahun yang lalu 12 pegawai di-Malaysia Barat, tahun ini 15 pegawai. Ramalan Chuacha (Weather Forecasting) Malaysia Barat—Tahun yang lalu 145 pegawai, tahun ini 171 pegawai.

Tuan Pengerusi, kalau kita hendak mengambil tindakan tegas untuk memberi penerangan kepada ra'ayat di-seluruh

Malaysia kita mesti menguatkan Jabatan ini supaya ra'ayat boleh dapat penerangan yang sesuai dan lengkap dan saya berharap ditahun ini Menteri yang berkenaan boleh mengambil pegawai² yang ada kelayakan dan pengalaman dalam kerja ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh sedikit sa-banyak tentang MAS. Tadi apabila saya masuk ka-Dewan ini, saya dengar Wakil dari Kuala Selangor mengatakan pegawai² dari Singapura ada-lah pandai, barangkali mereka hendak memberi tahu pegawai² dari Malaysia bodoh.

Tuan Pengerusi, saya tidak bersetuju langkah² yang di-ambil oleh MSA—Mercury Singapore Airlines, tetapi saya berharap Kerajaan ini dan Menteri Perhubungan jangan over react tentang langkah² yang di-ambil oleh Kerajaan Singapura.

Tuan Pengerusi, baharu² ini Menteri Perhubungan telah melawat ka-Singapura dan telah berhubung dengan Menteri Perhubungan Kerajaan Singapura. Saya mengucapkan sa-tinggi² tahniah di-atas lawatan yang di-buat oleh Menteri yang berkenaan dan saya berharap beliau boleh bekerjasama dengan Menteri Perhubungan di-Singapura supaya MAS dan MSA yang akan datang boleh kedua²-nya maju.

Tuan Pengerusi, saya hendak sentoh sedikit sa-banyak tentang Lapangan Terbang Subang. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah sentoh tentang kebochoran di-lapangan terbang itu. Saya menyokong sa-penoh²-nya tuduhan² yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya berharap kalau Menteri yang berkenaan ada masa lapang, beliau boleh melawat lapangan terbang itu untuk melihat sendiri tentang kebochoran di-lapangan terbang itu.

Tuan Pengerusi, baharu² ini Menteri Perhubungan telah mengumumkan pada bulan April, Kapal Terbang Jumbo Jet 747 akan mendarat di-Lapangan Terbang Subang. Saya hendak memberitahu kepada Menteri yang berkenaan jika Jumbo Jet itu mendarat di-Lapangan Terbang Subang, maka barangkali sa-ramai 500 orang pelancong² yang datang ka-Malaysia terpaksa menunggu di-lapangan terbang lebih kurang satu atau dua jam sa-belum mereka boleh keluar daripada Imigereshen dan Kastam.

Tuan Pengerusi, baharu² ini pada malam hari Sabtu yang lalu, saya sendiri datang

daripada Singapura ka-Kuala Lumpur dan di-lapangan terbang itu chuma ada sa-ramai 90 orang penumpang², tetapi saya terpaksa menunggu 20 minit lebih sa-belum barang² saya dan paspot saya di-pereksa oleh Pegawai² Imigereshen dan Kastam. Tuan Pengerusi, saya berharap Menteri Perhubungan yang baharu ini bertanggungjawab boleh meluaskan Perkhidmatan Imigereshen dan Kastam supaya pelancong² yang mendarat di-Lapangan Terbang Subang, Kuala Lumpur dengan Jumbo Jet jangan-lah di-beri mereka menunggu satu dua jam. Kalau itu berlaku, maka mereka akan datang ka-Kuala Lumpur hanya sa-kali sahaja dan mereka akan kata: Apa guna kami datang ka-sini, buang masa sahaja.

Tuan Pengerusi, saya hendak sentoh sedikit sa-banyak tentang Pelesenan Teksi. Jika Menteri Perhubungan ada menaiki teksi dan berbual² dengan pemandu teksi, Menteri yang berkenaan akan sedar pemandu² teksi semua marah kepada Lembaga Pelesenan oleh sebab mereka mengatakan, "Doktor, saya memandu teksi bukan satu tahun, bukan dua tahun." Saya tengok pemandu teksi itu sudah tua dan berumur 20 tahun, 30 tahun, tetapi mereka ta' dapat lesen dan saya tahu taukeh MCA, taukeh UMNO mereka bukan ada sa-buah teksi, mereka ada mempunyai lima buah teksi, Tuan Pengerusi. Itu-lah saya berharap Menteri Perhubungan boleh siasat mengapa-kah pegawai² UMNO, pegawai² MCA boleh dapat bukan sa-buah, tetapi lima, enam, tujuh lesen teksi tetapi pemandu² teksi yang memandu teksi 20 tahun, 30 tahun tidak dapat peluang untuk di-beri lesen teksi.

Tuan Pengerusi, tentang keselamatan jalan raya, saya hendak menyatakan walau pun Menteri yang berkenaan telah menjamin beliau akan mengambil tindakan atau langkah yang tegas untuk keselamatan jalan raya tetapi kita tahu kemalangan yang berlaku di-jalan raya kebanyakan-nya berlaku oleh sebab teksi dan lori berjalan lebih laju dari had yang di-tetapkan. Ahli Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat menyatakan yang di-tulis ia-lah 25 batu sa-jam, tetapi lori itu berjalan 50 batu sa-jam. Tuan Pengerusi, Menteri yang berkenaan telah menjamin kalau 20 batu sa-jam atau 30 batu sa-jam tidak menasabah, beliau akan menukarkan had ini, tetapi, Tuan Pengerusi, kalau Menteri yang berkenaan berjalan di-jalan raya pada waktu malam, saya bukan khuatirkan, memang saya takut apabila saya

berjalan, umpama-nya dari Kuala Lumpur ka-Port Dickson, saya tengok lori itu berjalan terlalu laju dengan kederaan 60 batu sa-jam. Saya berharap, Tuan Pengerusi, Menteri yang berkenaan boleh mengadakan Road Safety Squad, Flying Squad supaya membolehkan menahan dan membawa lori² yang berjalan lebih daripada yang di-hadkan ka-Mahkamah.

Tuan Pengerusi, mengikut surat khabar, Perkhidmatan MAS (Malaysian Airlines System) ini akan di-mulakan pada bulan Julai ini. Saya berharap Menteri yang berkenaan boleh mengambil tindakan supaya kita ada mempunyai pemandu² kapal terbang yang ada kelayakan dan pengalaman. Jika kita tidak ada cukup pemandu² kapal terbang, saya berharap Menteri yang berkenaan boleh mengambil tindakan dengan segera supaya belia² atau pemuda² atau pun pemuda² di-negara kita boleh berlatih. Saya sedar kalau mereka tidak boleh berlatih di-negara kita, mereka boleh berlatih di-Indonesia, di-Australia dan di-England supaya apabila kita mengadakan MAS sendiri, kita akan mempunyai pemandu² yang cukup, yang ada kelayakan dan pengalaman. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Dato' Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dalam membahaskan Kepala B. 49 ini, ia-itu Kementerian Perhubungan. Dato' Pengerusi, saya ingin mengingatkan kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan tentang kedudukan bas dan layanan pekerja² bas terhadap penumpang² yang ada di-dalam bandar atau pun yang berjalan jauh di-luar bandar.

Dato' Pengerusi, saya harap Yang Berhormat Menteri Perhubungan kita yang mana pada ketika menjadi Menteri Kesihatan dahulu telah menganjurkan Kempen Senyum. Sekarang ini beliau sudah menjadi Menteri Perhubungan, maka saya berharap Menteri Perhubungan kita membuat satu gerakan, Gerakan Senyum pula di-kalangan pekerja² bas yang ada berselerak di-negara kita ini, khas-nya bas yang ada di-Ibu Kota.

Dato' Pengerusi, apa yang saya sebut di-sini ia-lah kerana sa-lama saya berada di-dalam persidangan Dewan Ra'ayat sa-lama sa-bulan ini, saya menerima komplimen daripada orang ramai mengatakan bahawa sungguh-nya kami orang² di-Ibu Kota ini sungguh

dukachita dengan sebab menerima layanan yang kurang baik daripada bas² yang berkhidmat di-Ibu Kota. Macham² kejadian berlaku dan kalau kejadian² ini terkena kepada pelawat² luar negeri sungguh mendukachitakan dan jatoh imej kita Malaysia sedangkan kita berusaha untuk menarik pelancong² dari luar negeri.

Dato' Pengerusi, kalau boleh pehak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memanggil tuan² punya sharikat² itu mithal-nya Sharikat Sri Jaya, dan sharikat lain² lagi yang ada di-Kuala Lumpur ini yang menjalankan perusahaan bas supaya mengarahkan pekerja²-nya beradab dan bertata-tertib terhadap penumpang². Dengan sebab penumpang² ini sa-rupa juga dengan kita—dengan orang ramai.

Dato' Pengerusi, dalam hal lain juga saya ingin mengingatkan kepada Yang Berhormat Menteri itu jika sa-kira-nya sharikat yang mengendalikan perjalanan bas di-bandar² yang besar seperti di-Kuala Lumpur ini terlampau luas lebih baik di-buat satu sharikat yang lain di-beri, khas-nya kaum bumiputra yang sekarang ini baharu muncul dalam bidang pengangkutan.

Dato' Pengerusi, dalam perkara yang kedua, saya ingin menyebutkan tentang pemberian lesen teksi. Ini sa-bagaimana kawan² saya juga saya berasa dukachita terhadap teksi² yang ada menggunakan taukeh² UMNO, taukeh² MCA ini, tidak sedap dengar dan biar-lah cerita teksi ini di-beri kepada pemandu² teksi dan orang² yang mahu menjalankan teksi—kita tidak mahu jadi taukeh UMNO dan taukeh MCA.

Dato' Pengerusi, sa-lain daripada itu, saya ingin menyebutkan tentang penerbangan awam di-mana kita Malaysia ini selalu kena gelek dalam hal perundingan. Saya tidak tahu sama ada orang kita ini bijak, atau tidak bijak, saya pun tidak tahu, tetapi dalam perundingan selalu kita kena tinggal, orang sudah pergi sa-batu, kita lagi tinggal di-belakang. Jadi, dalam hal ini, Dato' Pengerusi, saya telah bertanya kepada Yang Berhormat Menteri pada satu masa dahulu beliau menjawab ta' apa-lah kita sedang berunding dalam hal ini. Saya bersetuju-lah berunding, tunggu, tunggu, hari ini—sa-hari dua, baharu ini, baru-lah sebok dengar cerita² yang kurang menyedapkan yang mana Malaysia kita ini sa-olah² kena terpedaya oleh orang lain. Dato' Pengerusi, ini saya harap pada

masa akan datang jangan-lah berlaku lagi sebab bukan sahaja Menteri yang berkenaan itu malu, Kerajaan Malaysia pun malu dan kami orang Pembangkang pun malu khas-nya kami daripada PAS pun malu juga kerana tidak tahu-lah saya hendak katakan.

Demikian juga saya bimbang, kalau pada masa akan datang berlaku juga kepada sharikat perkapalan, sebab nampak-nya dalam sharikat perkapalan pun demikian juga. Sharikat Perkapalan Kebangsaan Malaysia di-mana saham Kerajaan Malaysia ada \$2 juta dan orang lain ada \$2 juta lebih, erti-nya ada banyak orang lain yang menguasa saham itu dengan banyak-nya, nanti dalam hal Sharikat Perkapalan Kebangsaan Malaysia pun kita kena gelek oleh orang lain pula. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri Perhubungan ini jangan-lah buat malu lagi pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah berchakap tadi dan memberikan pandangan-nya. Tetapi oleh kerana banyak perkara² yang di-sentuh oleh Ahli² Yang Berhormat yang saya kira tidak kurang daripada 9 orang Ahli² Yang Berhormat, biar-lah saya jawab dahulu dan benarkan-lah saya berchakap dalam bahasa Inggeris kerana ini mengenai pehak sa-belah sana, kalau saya berchakap bahasa Malaysia takut salah terjemahan nanti, barangkali boleh jadi mengelirukan pula, ini statement of policy dari Kerajaan. Jadi kita tidak mahu terkeliru.

(Dengan izin) Under the reconstruction agreement recently approved by the shareholders of the Malaysia-Singapore Airlines, it was provided that the company would be liquidated on the 1st of December, 1972, or such earlier date as may be agreed upon. It is natural that in the planning of MAS and of the new Singapore Airlines every effort is being made to ensure that they become operational as soon as possible.

Considerable progress has been made on our side and we are working for a date which will be announced when the necessary details have been finalised. Before a date should be announced, it is necessary for the Board of Directors of all three Airlines, namely, Malaysia-Singapore Airlines, Malaysian Airlines System and Singapore Airlines—whatever name they want to use—I don't want to

commit—to be consulted for the informal approval. There are three parties involved, not just one party or one man.

To the best of my knowledge, the Board of Directors of all the three companies have still to consider the detailed arrangements for the split leading to the taking over by the new subsidising Airlines earlier than December 1st, 1972. And until such formal approval has been given, it would be wrong for any announcement to be made by any party.

MAS being the National Airline of a sovereign country is free to operate any international service as it finds commercially attractive to do so. It is therefore not true to say that MAS will be primarily a domestic airline. It would operate regional services to such places as Hong Kong, Thailand, Indonesia and possibly Australia and to such other countries as it may consider profitable to do so. Members of the public should not listen to people who have no authority to speak for the Malaysian Government or for the Malaysian Airlines System.

Saya harap bagi pehak Ahli² Yang Berhormat yang telah berchakap bagitu bagini mengatakan orang² sana pandai, kalau orang di-sana pandai kita pun lebih pandai juga, kita pun ada lawyer juga. Jangan-lah selalu memandangkan

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Pengerusi, Menteri itu memandang kepada saya. Saya tidak menuduh Yang Berhormat Menteri, kenapa beliau memandang kepada saya? (Ketawa).

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya selalu memandang pehak Pembangkang, saya tidak memandang kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu. Pehak² Pembangkang selalu menyalahkan saya. Jadi kami kata, kami juga ada orang lebih pandai. Pehak PAS ini selalu berkata, sedikit² putus asa, sedikit² kena jual. Kita tidak kena jual, insha' allah. Perkara ini di-dalam timbangan Kerajaan² yang berkenaan dan kepada sharikat² yang berkenaan. Ahli² hendak-lah ketahu² apabila sampai waktu-nya, kita akan siarkan yang sa-benar²-nya daripada mereka yang ada kuasa menerangkan-nya bukan sa-barang orang, dia tidak ada fasal hendak berchakap mengenai kita punya.

Tuan Pengerusi, Ahli dari Dato' Kramat, saya tidak hendak memanjangkan cherita² berkenaan dengan rumah keretapi. Saya

sudah jawab, kita hendak bena yang baik, kita hendak gantikan. Ahli itu chuma hendak menunjukkan imej Kerajaan ini tidak begitu baik tetapi yang baik dia tidak tunjukkan. Dia patut sedar sa-bagai sa-orang ahli Trade Union sa-bagai warganegara Malaysia dia patut membuat apa kita buat untuk dia, untuk faedah mereka sendiri, wakil² mereka banyak yang bekerja dalam keretapi itu; orang² ini ia-lah orang transport union yang banyak di-sana.

Sa-lain daripada itu berkenaan dengan gaji dan welfare organisation, kita akan siasat dan saya akan menunggu surat² tersebut tetapi dia mengatakan, dia dengar²; perkataan dengar² ini saya tidak peduli. Kalau betul dia boleh berhubung dengan Menteri, kita boleh siasat.

Berkenaan dengan Road Transport—komplen berkenaan dengan lesen hanya orang² yang kaya² sahaja dapat, ini bukan zaman BMA dahulu. Kita tidak boleh rampas orang punya, melainkan ada kesalahan yang boleh kita rampas, tetapi syarat yang di-utamakan ia-lah sa-orang yang tahu membawa kereta, sa-orang bekas SC dan ada mempunyai wang, kalau dia tidak ada wang, nanti dia jadikan Ali-Baba terutama sa-kali bumiputra. Ini sudah beberapa banyak kita potongkan lesen-nya.

Itu-lah syarat²-nya ada, dan kita mengadakan satu Board yang adil dan sekarang Pengerusi Majlis Pelesen ini ia-lah Ketua Setiausaha sendiri, orang yang bertanggung-jawab, Ketua Setiausaha ini ia-lah Superscale B, dan tidak lagi yang dahulu seperti Pesuruhjaya Pengangkutan yang sekarang ini menjadi Ketua Pengarah, Jabatan Pengangkutan dan sekarang di-wakil juga ahli-nya daripada Jabatan Perdana Menteri,—Economic Planning Unit, sa-orang wakil daripada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dua orang wakil daripada orang ramai—members of the public, dan kita mengadakan satu procedure yang lebih simple tidak perlu menggunakan lawyer dan begitu bagini, kita adakan form dan kalau dia memberi keterangan yang chukup, kita akan pereksa kita akan beri sama ada lori, atau pun teksi, tidak ada pilih kaseh. Ini macham semi-judicial enquiry.

Jadi tuduhan² orang UMNO dapat, orang MCA dapat, orang apa dapat, ini bukan ada chara orang UMNO, orang MCA; tidak ada, semua keterangan di-bawa oleh Majlis

Pelesen. Ta' puas hati, pulangkan balek kapada saya. Sa-bagai Menteri, saya akan siasat halus². Kerajaan Pusat menjalankan sa-chara adil, kalau tidak masakan banyak juga orang² PAS dapat teksi, banyak daripada pehak Pembangkang yang dapat teksi. Tetapi kita bukan bagi sa-bagai Parti Pembangkang bukan sa-bagai parti PAS, bukan MCA atau UMNO tetapi sa-bagai pemohon² yang ada keterangan yang menasabah dan patut, dia dapat lori, dapat teksi. Kita mahu tolong kapada ra'ayat semua bangsa, kita pemerintah yang adil.

Sa-lain daripada itu juga Ahli dari Dato' Kramat ada membangkitkan berkenaan dengan bas. Kapada Ahli² Yang Berhormat, ini jangan generalise. Kalau ada bas nombor berapa, di-mana, beritahu, saya boleh perentah untuk kondemkan immobilise those vehicles which are not road worthy. Ini semua kalau bertanya, saya dengar. Dengar ini susah, saya sa-bagai Menteri Perhubungan yang mahu action. Saya tidak boleh ambil action melainkan ada keterangan yang chukup. Tolong beri kerjasama Ahli² Yang Berhormat, jangan pandai berchakap sahaja, beri keterangan yang chukup, senang saya bekerja dengan pegawai² saya. Tolong-lah, ini ada-lah kerja berat.

Bagitu juga berkenaan dengan M.S.A. tadi, saya sudah jawab dan ta' payah lagi hendak di-cheritakan.

Berkenaan dengan wakil dari Ulu Selangor. Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor ini sahabat saya. Dia dahulu pun menjadi sa-orang Menteri, dia lupa, soal-nya ia-lah Kerajaan kita ini sa-bagai Jema'ah Menteri yang bertanggung-jawab bersama walau pun Menteri baharu, Menteri lama, sama ada dia menjadi Menteri Pengangkutan, Menteri Perhubungan, Menteri Kesihatan, kita bertanggung-jawab bersama. Walau pun Yang Berhormat Dato' Ghani Gilong dahulu menjadi Menteri Pengangkutan, saya Menteri Kesihatan, kita selalu berunding, kita selalu tolong-menolong. Ini-lah joint responsibility. Ta' boleh-lah apabila keluar, ta' jadi Jema'ah Menteri, hentam². Bagitu ta' kena gaya-nya. Dia lupa dia sendiri pun sama² juga sama kita dahulu. Saya mempertahankan; sa-bagai sa-orang Ahli Jema'ah Menteri, saya berdiri tegoh, kalau jatuh pun, sama² jatuh, tetapi jangan-lah pula sindir². Saya pun ucapkan terima kaseh dan ucapkan tahniah. Menteri Perhubungan yang baharu ini dia dahulu banyak pengalaman. Kalau ikut cherita saya

barangkali benda² ini boleh jadi ta' jadi. Sa-bagai sa-orang daripada Jema'ah Menteri, kita mempunyai joint responsibility, kita ikut suara ramai sa-chara Cabinet system. Saya harap pehak² Pembangkang dan mereka yang berchakap daripada pehak back-benches faham dan tahu bahawa Kerajaan kita ia-lah Kerajaan yang bertanggung-jawab, the Cabinet system is one in which the majority decides. Sekarang ini tolong beri kerjasama, insha'-Allah kita akan adakan special research mengenai planning unit ini.

Berkenaan dengan kapal terbang—civil aviation sama ada commercial chartered dan sa-bagai-nya. Bagitu juga berkenaan dengan shipping, shipping is very complicated, kerana ia berhubung dengan antarabangsa. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor ini berchakap berkenaan dengan kapal. Bila ia sudah buat berniaga kapal? Saya sudah 10 tahun lebeh menjaga berkenaan dengan transport. Itu pun otak saya bergeliga juga. Saya pun sudah chukup banyak berchakap berkenaan dengan Far East Freight Conference ini tetapi saya ta' berkehendakkan head-line. We talk and make them understand and get the result. That is what we want. Kalau kita hendak menjaga kapal kita, kita mesti tahu chara bentok kapal, mesti masok dalam Far East Freight Conference. We fight from within. Gradually, we will win, but to fight the giant we will be swallowed. That is my advice. Tetapi dahulu mula² dia kata hendak lawan, tetapi bila hendak lawan, orang itu sudah jadi kuat, maka habis bagitu sahaja. Sebab itu-lah berkenaan dengan shipping ini ada-lah satu perkara yang sangat delicate, satu perkara yang sangat complicated, satu perkara yang mengenai dengan antarabangsa. Kita berharap apabila shipping company hendak bermeshuarat, dia sama dia, jangan-lah babit²kan Kerajaan supaya Kerajaan ada peluang memberi kata pemutus. Kerajaan tidak beri ugutan, Kerajaan boleh bertindak, they got the power, we do not put threat this and that. Sebab itu-lah ia kata wakil kita tidak beri urusan bagitu bagini. Dia baharu sampai ka-tanah ayer. Daripada London, dia pergi ka-Washington, dia negotiate fasal pinjaman hendak beli Boeing 737, baharu balek semalam. Bagaimana dia hendak beri keterangan bagitu bagini. Wakil kita kena repot kapada Kerajaan. Government will scrutinise what action to take. Tetapi kita tidak mesti menjerit² dan sebarikan dalam surat² khabar mengenai apa yang di-buat oleh sa-barang kuasa, kita tidak mesti ikut.

Itu bukan chara yang menguntongkan dalam soal international shipping as a commercial undertaking.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan, saya ucapkan terima kaseh. Berkenaan dengan Bukit Mertajam ini, kita akan memperbaiki, mudah²an kalau ada wang peruntukan, kita akan memperbaiki-nya. Berkenaan dengan orang² ini, kita tidak ada facility. Mengenai sabarang Butterworth, kita sudah chuba dahulu. Ini menyusahkan orang ramai, sebab itu Kerajaan Negeri Pulau Pinang balekkan sa-mula kapada kita untuk mengadakan disabarang Pulau Pinang. Ini kita akan perbaiki dari sa-masa ka-samasa macham mana hendak menolong orang² haji dan orang² yang menghantar beribu² itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kampar ada menyebutkan berkenaan dengan civil aviation, saya sudah chakapkan tadi, dia pun ada di-luar barangkali. Dia kata Menteri Perhubungan ini tidak ada sympathetic towards taxi² drivers yang berpuluh² tahun.

Ahli Yang Berhormat dari Batu ada membangkitkan yang orang itu sudah 30 tahun membawa teksi, tetapi tidak dapat. Ini bukan masaalah sudah 30 tahun bawa teksi, itu satu qualification: Is he an ex-serviceman? No. Has he got the money? No. Kalau tidak ada itu semua jadi Licencing Board

Dr Tan Chee Khoon: Untuk penjelasan, Tuan Pengerusi, jika pemandu² yang berpengalaman 20-30 tahun tidak ada wang untuk membeli teksi, ada-kah Menteri yang berkenaan sedar beliau boleh mendapatkan pinjaman daripada MARA

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Itu-lah yang saya selalu nasihatkan, fasal apabila dia di-tanya oleh Licencing Board, dia tidak ada, sebab itu saya kata pergi berhubung dengan MARA, kita boleh timbangan. Ada berpuluh² yang sudah dapat, dia tidak cheritakan di-sini. Ini sa-orang yang tidak dapat dia cheritakan di-sini, Tuan Pengerusi. Ini trick Pembangkang.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Bukan sa-orang, Tuan Pengerusi, saya selalu naik teksi di-Kuala Lumpur dan saya berani mengatakan kapada Menteri yang berkenaan 99 peratus atau hampir 100 peratus di-dalam 5-6 tahun yang saya naik teksi di-Kuala Lumpur chuma sa-orang sabaja mengatakan, "Doktor teksi ini

saya punya". Sa-lain daripada itu semua sewa.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Terima kasih. Tuan Pengerusi soal-nya bagini: Saya kata, kalau tiap² pemohon itu ada 20 ribu, 50 ribu kita beri lesen bawa kereta ini, sedangkan kita hendak beri 10 ribu teksi. Saya mahu mengatakan kepada wakil Batu ini boleh-kah hidup teksi itu kalau 10 ribu di-Kuala Lumpur ini. Boleh? Kalau boleh, saya potong jari saya. Ini saya chabar. Mesti ada limit to everything. Dan saya suka menerangkan kepada Ahli² Yang Berhormat di-sini daripada report ECAFE. The system of communications in Malaysia is the best in the world. Bukan saya masok bakuf, angkat sendiri—tidak. Report of experts in the agency of the United Nations, ECAFE.

Dr Tan Chee Khoo: Untuk penjelasan, Tuan Pengerusi, there may be experts and experts

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya ta' mahu berbahath, saya mahu jawab. Ini waktu sudah habis.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan, berkenaan dengan keretapi, keretapi PATA ini buat chendermata sahaja, berseparah. Saya memberi pengakuan di-sini keretapi ini juga di-gunakan untuk orang ramai. Apabila saya dapat peruntukan dan akan di-tender, kita akan dapat satu special Relkar Express 9 coach dengan \$5 juta tiap² sa-buah. Ini dalam masa 5 jam boleh sampai di-Kuala Lumpur, 5 jam balek ka-Butterworth. Kita bukan-lah hanya hendak mengabui mata pelawat² di-sini, kita hendak beri perkhidmatan yang sa-benar²-nya baik, sehat dan aman dengan tidak ada accident mengikut rel. Ini-lah saya suka memberi penerangan dan pengakuan kepada pehak² yang menyindir tadi.

Berkenaan dengan National Shipping, saya suka menerangkan Kapal Malaysia Baharu ini ia-lah suatu bidang swasta atau private concern, di-registerkan di-Panama. Saya tidak boleh paksa dia mesti di-registerkan di-sini, tetapi Tabong Haji mesti tahu dan saya perchaya kami telah menasehatkan mereka patut sa-belum hendak menanda-tangani sa-barang perjanjian, hendak memajak bagitu, bagini, menengok betul² di-mana kapal itu di-registerkan dan sama ada kapal itu layak atau tidak layak membawa Jema'ah Haji ini

dan saya telah mengambil tindakan dan saya harap pada masa hadapan perkara yang sa-macam ini tidak akan terjadi lagi.

Tegoran Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan berkenaan dengan MSA, telah saya jawab, dengan bagitu juga.

Ahli Yang Berhormat dari Bruas menegor berkenaan dengan road safety. Barangkali beliau telah pun mendengar ucapan yang saya telah berikan. Saya lebeh² lagi susah mengenangkan bagaimana hendak menghapuskan lori² yang laju², teksi² yang laju, tetapi ini satu perkara yang kita hendak didek-ajar dari satu masa ka-satu masa. Saya minta, Ahli Yang Berhormat itu, kalau ada lori dan teksi yang laju², beritahu nombor, waktu dan tempat supaya kami boleh panggil mereka², supaya di-ambil tindakan yang tertentu.

Berkenaan dengan tegoran Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara, tidak payah-lah hendak suroh tarek balek itu dan ini. Kerajaan sedang mengkaji perkara² ini, kerana dalam soal perniagaan, apabila suatu perniagaan itu di-adakan mesti ada goodwill. Apabila sa-siapa hendak menggunakan nama asal itu sa-telah perniagaan itu di-bubarkan, dia mesti membeli dengan chara atoran International Commercial Law, mesti membayar sagu hati atau goodwill dan jangan-lah kita sebok² atas perkara itu, Kerajaan sedang menyelideki perkara² ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor menegor berkenaan dengan kapal laut. Itu pun saya sudah jawab tadi. Berkenaan dengan MSA, pun bagitu juga jawapan-nya. Kenapa kita tidak membeli Boeing 707? Kami hendak membeli yang baharu. Jadi, Boeing 737 pun kita order yang baharu, jenis yang boleh turun di-lapangan yang panjang-nya lebeh kurang 5,000 atau 6,000 kaki dan sa-kira-nya roda-nya tidak turun, dia boleh mendarat dengan menggunakan perut-nya. Ini satu perkara yang latest. Sebab itu kita tidak hendak pakai yang lama. Maintenance terlalu tinggi, rugi kita. Dan berkenaan Boeing 707 kita tidak sa-mesti membeli yang sudah burok kerana maintenance-nya tinggi dan berapa banyak lagi yang kita kena. Kita boleh charter mana² kapal terbang yang hendak pergi ka-Tokyo, hendak pergi ka-Sydney dan yang hendak pergi ka-London. Kita initiate charter. Boeing 707 dan 747 kita boleh dapat dengan tidak payah kita membeli. Ini-lah yang sedang kita ikhtiarkan.

Sa-lain daripada itu, berkenaan dengan teksi airport. Saya akan panggil teksi² yang berkenaan dan memberi peluang kepada mereka mengikut syarat² yang di-tentukan, mesti mengadakan teksi yang baik, yang sesuai dengan keadaan International Airport. Kalau tidak, kita akan mengambil tindakan yang jitu.

Berkenaan dengan kebochoran; saya telah di-beritahu tadi, hendak menutup bochor ini ada-lah sistematik. Ada kala pechah-nya di-tengah². Ada kala-nya dia bersambong. Saya sudah beberapa kali pergi ka-sana. Saya harap peruntukan sudah di-bagi, kita akan dapat perbaiki dengan sa-baik²-nya.

Berkenaan dengan perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu, Sarawak berkenaan dengan kapal² yang membawa beras terlalu lambat, saya akan siasat-lah bagaimana keadaan kapal itu, ada-kah dari Singapura atau pun dari Pelabuhan Klang. Kalau dari Singapura saya tidak ada hak di-sana, tetapi kalau dia ada ajen-nya di-Pelabuhan Klang, saya akan panggil wakil² itu bagaimana hendak membanyakkan kapal berulang-alek dan hendak melekaskan perkara sa-macham ini.

Berkenaan dengan perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat berkenaan dengan teksi, ini pun saya sudah terangkan tadi bagaimana kita hendak mengeluarkan lesen taksi. Tidak boleh di-keluarkan terlampau banyak sangat, kerana semua pemandu teksi akan rugi dan akhir-nya semua tutup juga.

Berkenaan dengan yang di-katakan Pulau Langkawi ini ada kemalangan bagitu bagini, saya minta Ahli Yang Berhormat, dan saya sudah nasihatkan sa-masa saya berada di-pulau tersebut, hendak-lah di-pakai S.O.S. dan helikopter akan angkat sa-siapa yang uzor itu, di-bawa ka-General Hospital sama ada di-Pulau Pinang atau pun di-Alor Star. Perkara ini sudah pun kita buat beberapa kali.

Wakil dari Besut yang berchakap panjang, macham² cherita itu tadi, saya minta-lah kepada Yang Berhormat itu lain kali jangan bercherita panjang² di-sini, berhubung dengan saya. Terangkan apa benda-nya, saya akan mengambil tindakan dengan serta-merta. Ini akan menguntongkan kepada semua yang berkenaan, mahu pun Operator ini berjanji, pakat² dan menyebabkan Kerajaan rugi. Yang sa-benar-nya di-negeri

Trengganu, dahulu lagi, sa-masa saya menjadi Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, dua belas tahun dahulu, saya sudah mengambil tindakan orang² yang sa-macham ini dan kalau ada keterangan yang chukup kita akan tukarkan dalam tempoh 24 jam orang yang buat pakat², ambil hasil Kerajaan ini. Saya akan siasat.

Dan berkenaan dengan surat² hilang, tolong beritahu berapa bilangan surat yang hilang, kita akan siasat kepada Wakil² Pos di-sana. Dan berkenaan dengan route² bas yang patut, yang membawa untong, kita akan beri lagi satu route, ini pun tidak ekonomik kadang². Saya akan siasat perkara itu.

Wakil dari Batu membawakan perkara berkenaan dengan jawatan Meteorologist, ini memang kita hendak menchari orang yang layak dan ini yang susah, ada peruntukan, tidak ada orang-nya. Tetapi walau bagaimana chara pun kita akan tambah kerana kita bertanggung-jawab dengan lebeh luas, bukan sahaja di-Malaysia Barat bahkan di-Malaysia Timor juga dan berkenaan dengan tuduhan teksi yang lain² tadi dan lari kuat bagitu bagini, saya akan mengambil ingatan dan akan mengambil tindakan yang sa-wajar-nya.

Berkenaan dengan tegoran Ahli Yang Berhormat dari Dungun, saya ucapkan berbanyak² terima kasih atas keperchayaan beliau menyokong di-sini dan operation smile, yang sa-benar-nya saya sudah jalankan operation bukan sahaja smile, bukan sahaja senyum, tetapi reaksi, hormat, tata-tertib dan didikasi; bekerja, bertugas dengan sa-penoh²-nya kerana ra'ayat. Ini ketiga²-nya saya sudah jalankan dan saya harap akan dapat di-jalan di-Dungun, pertama sa-kali di-tempat Ahli Yang Berhormat. Di-harap Ahli Yang Berhormat itu memberi kerjasama kepada saya. Terima kasih.

Masalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$2,927,338 untok Kepala B. 49; \$3,936,000 untok Kepala B. 50; \$3,698,055 untok Kepala B. 51; \$3,000,000 untok Kepala B. 52; \$3,142,672 untok Kepala B. 53; \$3,846,310 untok Kepala B. 54; \$3,993,222 untok Kepala B. 55; \$35,708,551 untok Kepala B. 58 dan \$10 untok Kepala B. 59 di-perentahkan jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 57—

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Dato' Haji Abdul Ghani bin Gilong): Tuan Pengerusi, saya memohon bahawa Kepala B. 57 berjumlah \$51,598,493 di-luluskan.

Jumlah sa-banyak \$51,598,493 untuk tahun 1972 ini apabila di-bandingkan dengan anggaran tahun lepas berjumlah \$45,904,844 menunjukkan tambahan sa-banyak \$5.7 juta yang di-sebabkan oleh tambahan biasa dalam anggaran perbelanjaan biasa.

Daripada peruntukan yang di-minta untuk tahun 1972 sa-jumlah \$13,228,767 ada-lah untuk gaji. Ini menunjukkan satu tambahan sa-banyak \$2.1 juta terhadap peruntukan untuk gaji bagi tahun 1971. Tambahan ini di-sebabkan oleh tambahan biasa dalam gaji² dan juga oleh kerana pengambilan kaki-tangan² tambahan untuk Jabatan Kerja Raya.

Di-bawah Kepala 28—Perkhidmatan Pelbagai peruntukan sa-banyak \$35,821,221 ada-lah di-minta. Apabila di-bandingkan dengan peruntukan tahun lalu sa-banyak \$32,940,950 ini menunjukkan satu tambahan sa-banyak \$3 juta terhadap peruntukan tahun lalu. Peruntukan yang di-minta di-bawah Pechahan-kepala ini ada-lah untuk perkhidmatan penyenggaraan yang di-jalankan oleh Jabatan Kerja Raya. Perkhidmatan penyenggaraan ini termasuk penyenggaraan jalan² raya dan jambatan², bangunan² Kerajaan dan alat² jentera dan kelengkapan.

Di-bawah Pechahan-kepala 28 itu pula peruntukan sa-banyak \$18,752,811 ada-lah untuk penyenggaraan jalan² Persekutuan dan jambatan². Program ini termasuk penyenggaraan 3,096 batu jalan² raya Persekutuan, 230 batu jalan² raya yang menyambongi bangunan² Kerajaan dan 75 batu jalan² menyambongi Stesen VHF. Tambahan pula rancangan ini termasuk juga penyenggaraan lapangan² terbang di-Melaka, Subang, Ipoh, Penang, Alor Star, Kota Bharu, Kuala Trengganu dan Kuantan serta 24 landasan lapangan terbang di-seluruh negeri.

Di-bawah rancangan penyenggaraan itu terdapat peruntukan sa-banyak \$5,129,600 untuk menyelenggara bangunan² Kerajaan sa-lain daripada bangunan² kediaman. Sa-jumlah 38,473 Bangunan² Persekutuan semua jenis dan besar-nya ada-lah di-selenggarakan di-seluruh negeri. Jumlah harga semua Bangunan² Kerajaan ini ia-lah lebih kurang \$1,000 juta.

Di-bawah Pechahan-Kepala yang sama 28 peruntukan sa-banyak \$10,055,500 di-minta untuk penyenggaraan jentera dan perkakas. Peruntukan ini ada-lah untuk penyenggaraan dan membaiki semua alat² jentera dan perkakas untuk Jabatan Kerja Raya pada khusus-nya dan untuk Jabatan² Kerajaan yang lain pada am-nya. Ini termasuk kerja² penyenggaraan terhadap 1,100 yunit jentera tolak tanah, 2,200 yunit kenderaan², 625 yunit "rollers", 76 yunit jentera kuari serta beberapa lagi jentera² dan kelengkapan pelbagai.

Di-bawah Pechahan-kepala 24—Api, Ayer dan Letrik peruntukan sa-banyak \$960,885 ada-lah di-minta yang termasuk peruntukan untuk 13 buah Bangunan² Kerajaan Kegunaan Bersama di-seluruh negeri serta Bangunan² Ibu Pejabat Kerja Raya di-Jalan Maxwell, Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, di-sebabkan saya baharu mengambil alih Kementerian ini, maka di-sini sa-belum Ahli² Yang Berhormat mengambil bahagian untuk memberi buah fikiran atau membuat tegoran, saya minta-lah kerjasama, atau pun tegoran yang membena daripada Ahli² Yang Berhormat sakalian supaya segala rancangan² di-bawah Kementerian saya akan dapat di-laksanakan dengan jaya-nya.

Tuan Pengerusi, saya mohon supaya peruntukan ini di-luluskan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Pengerusi, saya chuma hendak berchakap sedikit sahaja. Saya memberikan sa-tinggi² tahniah dan menyokong di-atas Kementerian ini terutama sa-kali Menteri yang baharu oleh kerana sa-orang yang muda dan mempunyai kelayakan. Saya telah mendengar ia-itu bekas sa-orang Menteri tadi telah menyatakan sa-orang Menteri yang lain ia-itu Menteri Perhubungan mengatakan jika bekas Menteri dan Menteri sekarang tanggung-jawab-nya, ada-lah sa-rupa. Dengan sebab itu, saya berfikir sa-orang Menteri yang sekarang ini sa-orang muda, yang mana sa-orang muda yang sangat di-kehendaki tenaga-nya lebih² lagi saya per-chaya Menteri yang ada sekarang ini akan menjayakan kerja²-nya lebih lagi daripada yang lampau.

Berkenaan dengan bangunan², saya dapati bangunan² kerja raya zaman dahulu dengan bangunan² kerja raya sekarang, kalau kita tengok bangunan yang di-buat

oleh penjajah British dahulu, seperti Ibu Pejabat Kerajaan Negeri Selangor (Secretariat), chukup chantek, tidak ada pechah² sampai sekarang. Tetapi kita mempunyai jurutera² yang pandai pada masa ini, kita mempunyai segala bahan² yang banyak, akitek² yang chukup pandai, tetapi bangunan²-nya ta' sampai sa-tengah tahun terutama-nya Bangunan Parlimen ini sudah bochor. Jadi saya hairan-lah bagaimana pelajaran jurutera² sekarang dengan pelajaran jurutera² yang dahulu. Sebab bangunan lama yang kita pandang di-hadapan Selangor Club itu chukup chantek, keras, kukoh dan menarek. Jadi saya berharap kepada Kementerian yang bertanggung-jawab ini pada masa yang akan datang oleh kerana dalam pembangunan Lima Tahun Yang Kedua ini banyak jambatan akan di-buat, banyak bangunan² akan di-buat, kita tidak mahu melihat jambatan² yang akan di-buat oleh jurutera² yang baharu, yang pandai², yang bijak² ini, jambatan itu akan di-hanyutkan oleh ayer. Bangunan²-nya akan bochor ta' lama lagi, kerana kita telah membelanjakan wang dengan chukup banyak dalam Ranchangan Lima Tahun Kedua ini.

Jadi lagi sa-kali Tuan Pengerusi, saya ada-lah menyokong dengan sa-penoh²-nya dan saya sa-bagai wakil ra'ayat di-sini ada-lah menentang di-atas bekas Menteri yang telah menchercha tentang kelayakan sa-orang Menteri dalam Kabinet ini dahulu. Terima kaseh.

Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan (Kapar): Tuan Pengerusi, saya suka menyentoh Kepala B. 57 dan menguchapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang baharu ini kerana kita berkehendaki sa-orang yang gagah supaya Ranchangan Malaysia Kedua yang raksaksa ini akan berjalan dengan giat-nya. Saya suka juga menguchapkan tahniah kepada kakitangan² Jabatan Kerja Raya khas-nya Jurutera², Akitek² dan Juru Ukur Bahan yang telah menjalankan tugas mereka yang chemerlang terutama sa-kali sa-masa ini ia-itu sa-masa mereka mengalami kekurangan jurutera², akitek² dan pegawai² teknikal yang lain.

Saya berharap sa-kali sa-kala pehak² yang tinggi menghargai tugas² yang dilaksanakan oleh pegawai² Jabatan Kerja Raya ini. Kerana dahulu saya telah menga-

takan, ia-itu pingat² di-beri kapada ra'ayat jelata negara kita ini ada-lah sangat kurang di-beri kapada pehak professional bukan sahaja jurutera², akitek² yang ada di-J.K.R. dan juga di-jabatan² yang lain. Apa yang saya telah perhatikan pada masa² yang lampau tidak sa-siapa² pun yang memuji pekerjaan mereka ini. Jurutera² dan akitek² ini nampak-nya di-sifatkan sa-olah² second-class citizen sahaja. Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk menyebut satu petekan di-Rooker Convocation yang di-buat oleh Puan Indira Gandhi:

"It is odd that the greatest doctors and engineers in the country, who would be rated as the leaders of their profession and who save lives, and add permanent assets to the nation, can rarely hope to receive the pay or salaries of Secretaries of Ministries. The brightest of our young men and women choose engineering and medicine. If they happen to go into Government, they are very soon overtaken by the general administrator. This must change and I am trying to change it. The administrative system must reflect an individual's contribution to human welfare and economic gain."

Jadi, di-sini, Tuan Pengerusi, saya suka menyentoh tentang gaji permulaan bagi jurutera², akitek², juru ukur bahan nampak-nya gaji permulaan ini ada sedikit anomaly dan saya berharap kapada Yang Berhormat Menteri untuk menyiasat atas perkara ini. Banyak pehak yang tinggi menegaskan jurutera² dan akitek² supaya bertugas lagi dengan giat-nya, kata-nya mereka ini boleh lagi memberi kerja yang lebih kuat dan lebih banyak, tetapi saya hairan macham mana mereka ini hendak memberi; tidak sedar-kah dia yang pada masa ini di-Jabatan Kerja Raya chuma ada 173 orang jurutera walhal jawatan yang sa-benar 296. Ini ada-lah berm'a'ana kekuatan mereka ini lebih kurang 70%, kerja yang akan di-buat oleh mereka ini ia-lah 100%. Jadi, saya berharap kapada pehak berkenaan ini supaya kasehan sedikit kapada jurutera², akitek² dan juga pegawai² yang lain.

Saya seperti, Tuan Pengerusi, tahu ia-lah bekas jurutera juga ia-itu Pengarah J.K.R. Negeri Selangor dahulu, saya faham sangat bagaimana kami ini telah di-sifatkan oleh pehak yang tinggi.

Satu perkara lagi saya suka menyentoh ia-lah berkenaan dengan Chawangan Letrik

di-Jabatan Kerja Raya ini, oleh sebab Lembaga Letrik Negara ia-lah dalam bahagian Kementerian yang sama, tidak-kah boleh Lembaga Letrik Negara ini mengambil alih balek kerja² letrik yang ada sekarang ini yang di-tugaskan oleh Jabatan Kerja Raya supaya kekurangan kaki-tangan² di-J.K.R. itu boleh di-atasi. Jadi, saya berharap kalau dapat Menteri ini menyiasat perkara ini, kalau dapat berunding dengan L.L.N. macham mana chara-nya untuk ambil alih balek tugas Chawangan Letrik di-J.K.R. supaya di-pulang kepada L.L.N.

Ada satu perkara lagi yang sedikit rumit ia-itu sunggoh pun ini ia-lah berkenaan dengan ayer ia-itu bekalan ayer ini yang saya tahu ia-lah Kerajaan Negeri yang empunya-nya. Apa² tugas dan sa-bagai-nya ia-lah tanggung-jawab Kerajaan Negeri, tetapi saya suka mengambil perhatian oleh sebab pehak Ibu Pejabat J.K.R. dan Kementerian ada juga satu Chawangan Bekalan Ayer. Revenue yang dapat daripada bekalan ayer ini memang-lah banyak sudah hilang, oleh sebab meter ayer-nya. Meter ayer ini ia-lah berbeza sedikit dengan meter api. Kalau meter api kita buka barangkali kita akan mati kalau tidak pandai gaya kita membuka-nya, tetapi meter ayer ini senang sahaja di-buka, kadang² dengan pliers boleh di-buka dan di-tutup balek, jika di-tiup jarum berpusing dan bacaan sudah lain. Jadi, apa yang saya harap kepada Yang Berhormat Menteri ia-lah mengarahkan Kerajaan Negeri dapat apa-lah kira-nya menambah kakitangan terutama sa-kali untuk menjaga meter reader ini. Kalau dapat penjaga meter reader ini di-tambah mereka boleh sentiasa melawat tiap² tempat, tiap² bandar, tiap² rumah supaya pembayaran ayer tidak akan di-tipu oleh pengguna². Di-sini saya berharap-lah sa-kali lagi apa yang di-sebutkan tadi supaya di-siasat oleh Yang Berhormat Menteri dan sa-takat ini sahaja saya menyokong Perbekalan tahun ini. Terima kasih.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang-Lupar): (Dengan izin) Mr Chairman, Sir, I wish to speak on Heads B. 57 and P. 57, from pages 389 to 406, regarding the estimated expenditure for the Department of Public Works.

In Sarawak, Sir, there is a separate Ministry for Communications and Works, which deals in some cases with similar responsibility as the Federal Ministry of Works and Power. But, due to the big nature of the

country, the small revenue resources of the State, the lack of technicians and the difficult geography of the country, the State needs further boost and help from the Federal Government. The past and the present State Governments had laboured hard to provide the barest necessity of road net-works for Malaysians in Sarawak. We still require urgently more feeder roads into the remote interior and rural places, if we are to keep in constant contact with our people in these areas and keep constant watch over them. This is doubly serious due to the fact that there are security operations in the areas of Sarawak. For easy communications and better mobility of our security forces, I therefore call upon the Government to heed more to the recommendations of the respective District and Divisional Development Committees for the construction of feeder roads. For example, the Ulu Undop Road in my Batang-Lupar constituency covers an area of about 24 long-houses, stretching only about eight miles towards the border with Indonesia. The area had been under curfew since 1964 and the people are suffering untold hardships, because they have been denied the facilities of even a third-class feeder road. I remember that a sum was allocated for the construction of this particular feeder road under the First Malaysian Plan. I spoke several times about this road and once in 1969 in this Honourable House. The Second Divisional Development Committee had strongly recommended several times for the construction of this road to the State Development and Planning Committee. Until today, Sir, there is still no road for Ulu Undop. My colleague in the State Council Negri had asked for money to construct this road recently and was told that no fund is available from the Federal Government. I hope the Honourable Minister will not say in his reply that the matter is a State matter. All I want to see is that this road should be included in its implementation in the Second Malaysia Plan, because of the prevailing security situation there and of the fact that the people had been left too long out of any benefits from joining Malaysia. These simple people, Sir, had been discreetly told that if they leave the Opposition, they might get their development projects approved. Now, some of them had done so, and if nothing is being done, especially about the Ulu Undop Road, very soon, Sir, they are going to be very angry people. And we know what angry people will

do. That is why I am appealing to the Government to consider the matter urgently, for fear that these simple people will fall prey into wrong hands and be won over by the wrong camp.

Another important matter that I wish to touch is concerned with the idling plants and equipment of the public works. We see bulldozers remaining unused for long periods in the P.W.D. camp-sites. I would suggest that these plants and equipment, especially the bulldozers, and P.W.D. trucks be made to help some long-houses along the main Kuching-Sibu Road to make access roads to the long-houses, help them to level long-houses sites and playing fields for nearby schools and dig fish-ponds at reasonable charges. This will show to the simple people that the Government is trying its best to help them in most of their activities, and I am sure they will appreciate this small gesture very much.

I am sure the Government should consider my suggestion seriously, especially in the context of Sarawak and thereby assist in our efforts to win the hearts and minds of our people in remote areas for their benefits and the country's gain. Thank you.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Dato' Pengerusi, saya suka menyentuh Kepala B. 57—Kementerian Kerja Raya dan Kuasa Letrik yang memberi peruntukan bagi negeri Sarawak berjumlah \$16,490,010 dan manakala negeri Sabah mendapat peruntukan berjumlah \$21,000,020 seperti di-terangkan di-muka 397 dalam buku Belanjawan yang di-bentangkan sekarang ini.

Dato' Pengerusi, seperti yang saya tahu negeri Sarawak ada-lah lebih besar daripada negeri Sabah dan juga penduduk di-negeri Sarawak lebih ramai dari Sabah. Dari itu saya ingin tahu ada-kah peruntukan seperti ini tidak mengira banyak penduduk dalam satu² negeri atau pun bergantung kepada keadaan kemajuan ekonomi negeri masing².

Sekarang Sarawak masih lagi berkurangan perhubungan jalan raya yang penting di-antara pekan dan luar bandar, serta juga keadaan jalan raya yang ada sekarang tidak memuaskan. Mithal-nya satu jalan raya yang penting di-antara Mukah dan Kuala Oya sa-jauh 17 batu lebih kurang yang di-buat waktu penjajah dahulu sampai hari ini masih di-tembok dengan menggunakan pasir di-tepi

laut yang berdekatan sahaja. Malang-nya jalan raya itu apabila hujan lebat turun dengan sendiri-nya jalan tersebut putus tidak dapat di-lalui oleh teksi atau kenderaan ringan yang lain.

Dato' Pengerusi, saya juga pernah berchakap perkara jalan raya itu di-Meshuarat Pembangunan Bahagian Ketiga, Sibu. Apa yang saya di-beri tahu, jalan raya itu tidak mendapat peruntukan di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua yang sedang di-lancarkan sekarang ini. Jalan raya ini ada-lah jalan raya yang terpenting sa-kali bagi kawasan tepi laut daerah Mukah untuk membawa segala bekalan dan penumpang dari Mukah-Sibu dan sa-balek-nya. Lebih² lagi di-waktu tengkujuh di-masa bulan November sampai Februari tiap² tahun yang mana motor² bot yang kecil tidak dapat melalui laut. Dan di-tepi jalan raya itu juga telah ada kebun² getah, kelapa dan lain² tidak kurang daripada 2,500 ekar serta penduduk yang sentiasa menggunakan jalan raya itu tidak kurang daripada 6,000 orang.

Dato' Pengerusi, dengan ini saya minta Kementerian yang berkenaan supaya jalan raya itu di-beri pertimbangan yang sewajarnya, supaya di-beri peruntukan di-dalam Ranchangan Malaysia Kedua yang di-harap sekurang²-nya dapat memberi kesan yang baik kepada semua lapisan ra'ayat dalam daerah Mukah. Dato' Pengerusi, saya berharap segala pembangunan di-dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua ini harus meliputi semua daerah atau pekan² yang kecil supaya tidak di-tumpukan kepada bandar² yang besar² sahaja mendapat perhatian.

Akhir-nya saya juga memberi sokongan kepada Perbekalan yang telah di-tetapkan itu di-bawah Kepala B. 57. Terima kasih.

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar): Tuan Pengerusi, saya hendak mengambil bahagian berkenaan dengan Kepala Pembangunan 57 berkenaan dengan Kementerian Kerja Raya dan Kuasa Letrik.

Tuan Pengerusi, hari itu Yang Berhormat Menteri Perhubungan telah memberi tahu kita tentang kemalangan di-jalan raya ia-lah oleh kerana pemandu² kereta dan pelesen² sangat besar. Dalam pandangan saya kemalangan itu khas-nya di-sebabkan oleh jalan² besar di-seluruh Malaysia kurang sesuai, kurang luas dan design berkenaan dengan

jalan besar ini kurang cukup dan saya harap masa akan datang Kementerian Kerja Raya dan Kuasa Letrik boleh-lah improve traffic system di-seluruh Malaysia ini. Oleh sebab perkara ini sangat-lah teknikal saya harap, Tuan Pengerusi, boleh memberi saya izin, jikalau saya berucap sedikit dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Sir, the main cause of traffic accidents in this country is due not only to the carelessness of drivers in this country but also to the inadequate design of the roads throughout the country. What we have got now is basically an inheritance from the British: most of our roads have not been sufficiently widened and the new roads have not been put in at the right places in our town areas and outside the town areas. For instance, the main road that connects Kuala Lumpur to Seremban down to Johore Bahru and Singapore, that road is still the same road that was built by the British many years ago, in the days of the bullock-cart. Now, the car population has grown, the lorry population has grown, the traffic volume has grown, but the size and the width of that road has not grown in proportion, nor has it been straightened up in order to facilitate the ease of movement and the safety of road users. So, I hope the Honourable Minister would be able to look into this problem, and this is a problem that is common throughout the country—not just from here down to South but from here also East to Kelantan and the East Coast States.

Now, Sir, yesterday, I asked the Minister of Local Government regarding the transportation study that was made at a fee of nearly \$1,000,000 a few years ago. Unfortunately, the reply was not given on that subject, So, I hope the Minister of Works, who is also concerned with this transportation study, would be able to supply some information regarding this one.

Sir, the shortage of engineers, architects and other technical people in the P.W.D. is well known and the answers that have been given by the Ministers to our oral questions have invariably taken into account that the shortage is going to be overcome by recruitment from overseas. Sir, I say this is not a particularly satisfactory way of solving our problem. I would suggest, firstly, that we make the scheme of service inside the P.W.D. more attractive to new graduates, new people,

who might like to join the P.W.D. and also to ensure that those who are already in the P.W.D. remain there because the scheme of service is sufficiently attractive and the work also is sufficiently challenging. So, I hope this will be done. Then the schools that we have got in this country—the Engineering School in the University of Malaya and the Technical College must increase the intake of students for engineering, so that in time to come we will have a bigger number of these people. Secondly, Sir, there is no School of Architecture in the University of Malaya, and I think it is time that the Government get going on this project.

Then, Sir, on the Town and Country Planning Department, which at the moment comes under the Ministry of Local Government, it seems to me that the town planning, architectural work and engineering work are so closely intertwined that it is bad to separate the functions of these three closely-linked parts of our national development effort. I hope some means would be found whereby all these three arms of technical services could be co-ordinated together. At the moment, I believe, there is a considerable friction between the town planners in the country, the P.W.D. architects and the P.W.D. engineers, leading not to a co-ordinated effort at development but to a great deal of frustration and delay. So, I hope that problem would be overcome.

Sir, on the question of private consultants, the practice of the colonial government had been to farm out most of its jobs to the British colonial firms that were here. A few colonial expatriate firms monopolised the bigger share of the work that came out of the J.K.R. Today instead of the British getting the lion's share—although some of the British firms are still getting a big share of it—one or two local firms are monopolising most of the work that comes out of the J.K.R. I have referred to the firm of Ganendra, Ahmad and Associates and my Honourable colleague, who was formerly also a P.W.D. Senior Executive Engineer, has also mentioned that fact. So I hope the Honourable Minister concerned would look into this and ensure that if the work is going to be farmed out to private consultants, then such work should be farmed out evenly to all, especially to those young ones who are just about to start work, give them a chance and I am quite certain that they will be able to do

the job as well as some of those colonial European firms or Ganendra, Ahmad and Associates.

Then Sir, on the question of water supply, it is a matter of amazement that in this country with so much rainfall we are perpetually plagued by the shortage of water, perpetually plagued not only in Kuala Lumpur, the Federal Capital City which has just celebrated its city status with a great deal of pomp and fanfare, it is short of water. Yet the rain falls down every day and there are floods and when we compare it with other countries where there is no rainfall, Australia for example, where most of the country is a desert, yet people can get a sufficient amount of water supply for home consumption, for industrial consumption, and here we are always chronically short of it. I hope that the Minister concerned will be able to explain why we are always short of water when there is so much around, because a shortage of water supply will hold back our development efforts, not only in providing more low-cost homes but also in providing industrial sites in the country.

I come now to the question of telecommunications and telephones. Now we have complained previously during Question Time about the very unsatisfactory telephone system that we have got here. I live, for instance, in Petaling Jaya

Tuan Pengerusi: Talipon sudah habis!

Tuan Goh Hock Guan: Tetapi saya nampak talikom di-sini.

Tuan Pengerusi: Ta' ada, itu sudah diubah Kepala-nya, ia-itu Kementerian Kerja Raya dan Tenaga.

Tuan Goh Hock Guan: Baik-lah dan saya minta satu minit sahaja lagi. Berkenaan banjir ini, saya nampak selalu musim hujan, banyak-lah pekan di-bandar² dan di-luar bandar² banyak tempat telah kena banjir dan saya harap Kementerian Kerja Raya dan Tenaga boleh-lah mengatasi masalah ini, oleh sebab tiap² kali banjir ini berlaku, banyak-lah wang, masa dan nyawa ra'ayat kita selalu hilang dan banyak jambatan yang telah di-musnahkan oleh banjir, sampai masa sekarang pun tidak dapat di-perbaiki, ia-itu di-kawasan saya, di-Jalan Klang Lama. Sampai sekarang jambatan itu belum di-buat lagi dan saya hendak tahu bila-kah Yang Berhormat Menteri itu boleh membena sa-

buah jambatan yang baharu. Lagi satu di-Ulu Klang, itu pun belum siap lagi. So, Sir, I think in a lot of other places there must be a lot of bridges which have still not been repaired after the last flood and I hope the JKR would soon solve this problem. Thank you very much, Sir.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Dato' Pengerusi, saya bangun untuk berchakap sedikit dalam B. 57—Kementerian Kerja Raya dan Tenaga. Di-samping itu, saya memberikan ikrar dan memberikan kerjasama kepada Yang Berhormat Menteri serta mengucapkan tahniah kepada beliau yang telah di-lantek oleh Kabinet berhubung dengan Kementerian yang tersebut. Apa yang saya hendak chakap, Dato' Pengerusi, berhubung dengan rekaan bentok dan penyelenggaraan jalan raya dan jambatan. Tujuan Kementerian ini untuk memudahkan ra'ayat dalam penggunaan jalan raya dan juga jambatan. Oleh sebab Johor Bahru itu mungkin satu masa nanti akan menjadi salah sa-buah Bandaraya di-Malaysia ini dan pada masa sekarang orang sangat sesak melalui causeway di-Tambak Johor Bahru ka-Singapura itu. Dengan ini saya mengharap supaya Kementerian ini mengkaji balek membuat satu rekaan supaya causeway di-Johor Bahru itu di-lebarkan dan di-luaskan untuk menyenangkan ra'ayat kita melalui atau orang masuk ka-Malaysia ini.

Yang kedua, Dato' Pengerusi, saya telah kemukakan masalah ini dan Kementerian yang tersebut di-masa yang lalu berhubung dengan sa-batang jalan raya daripada Pekan Tangkak sampai ka-Pekan Gambir yang melalui kawasan Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam dan hal ini sampai sekarang belum dapat perhatian. Saya harap perkara ini akan dapat di-ambil ingatan supaya dapat di-segerakan demi kepentingan ra'ayat di-tempat itu berkehendakkan sangat jalan raya ini; dari segi keselamatan-nya, dari segi sosial-nya dan juga dari segi perdagangan dan perusahaan.

Akhir-nya, Dato' Pengerusi, berhubung dengan reka bentok, penyeliaan dan pembangunan Bangunan Kerajaan khas dan juga am. Kementerian ini telah mengeluarkan banyak rekaan² bentok masjid ka-kampong². Bagi pehak orang ramai sangat berbesar hati-lah sebab bentok rekaan masjid yang dikeluarkan oleh jabatan ini berunsor keperibadian Malaysia, tetapi malang-nya, Dato' Pengerusi, masjid yang di-buat oleh Kerajaan

dengan bentok yang di-keluarkan oleh jabatan ini selalu bochor sa-bagimana yang telah di-sebutkan. Saya harap ma'alumat ini juga di-kaji balek. Orang ramai menchari jalan bagaimana hendak membetulkan bochor ini tetapi ta' dapat. Jadi, hal yang sa-macham ini supaya di-kaji balek jangan sampai wang yang kita keluaran begitu banyak, tetapi ra'ayat ta' puas hati, ra'ayat mendatangkan bermacam² tuduhan. Saya berharap perkara itu mendapat perhatian.

Sa-lain daripada itu, ada ranchangan khas yang di-keluarkan oleh jabatan ini berhubung dengan benaan sekolah² rendah. Saya harap pada masa akan datang sekolah rendah ini jangan di-buatkan reka bentok, hanya satu tingkat kita hendak buat sampai dua tiga tingkat, sebab masalaah kita beli tanah ini susah, Dato' Pengerusi, yang kedua murid² kita bertambah ramai. Jadi, dengan keadaan reka bentok sekolah rendah ini dapat dua tingkat akan memberikan kemudahan kepada ra'ayat dan juga keuntungan kepada Kerajaan. Sekian, terima kaseh.

Puan Bibi Aishah binti Hamid Don (Kulim Utara): Dato' Pengerusi, saya bangun menyokong Kementerian Kerja Raya dan Tenaga di-bawah B. 57, ia-itu yang saya rasa ada-lah sa-buah Kementerian yang sa-benar²nya akan dapat memberikan khidmat² yang baik kepada negara kita dalam semua hal ehwal yang bertanggung-jawab kepada pemuliharaan dan sa-terus-nya kepada ranchangan² kemajuan yang kita nampak boleh berjalan dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, saya hanya hendak menyentoh dalam perkara jalan Pantai Timor ka-Barat, ia-itu kalau kita tahu pada tiap² tahun bilangan petani² yang datang daripada Kelantan, Trengganu ka-Negeri Kedah untuk bersama² menchari rezki bagi menuai padi, bilangan-nya daripada 9,000 orang sampai 13,000 orang ramai-nya. Mereka ini hanya menggunakan jalan raya yang jauh, ada yang datang daripada Pahang terus ka-Kedah, ia-itu mengambil masa yang terlampau lama. Sa-terus-nya kalau-lah dapat di-chepatkan sedikit pembinaan jalan raya (highway) daripada Pantai Timor ka-Pantai Barat ini alangkah senang-nya dapat menolong petani² kita untuk mendapat rezki yang lebih sedikit.

Tuan Pengerusi, saya tahu pembinaan jalan raya ini di-selenggarakan oleh Kementerian Kerja Raya dan Tanaga telah berjalan dan saya rasa boleh di-katakan hampir ber-

jaya pada peringkat Negeri Kelantan telah selesai, hanya apa-kah yang saya hendak tahu yang telah menjadi gendala yang ta' sampai ka-Negeri Kedah ini. Saya rasa kalau-lah hendak kita bandingkan dalam masalaah² dharurat, ini akan lebih menyenangkan pihak pasokan keselamatan kita juga dapat memburu pengganas² kominis, kalau-lah jalan raya ini dapat di-selenggarakan dengan baik-nya.

Saya rasa itu-lah sahaja yang saya hendak berchakap, kalau dapat-lah bagi pihak Menteri yang berkenaan dapat memberi penjelasan. Saya rasa kalau hendak mengharapkan tenaga ra'ayat, banyak penganggor² kita sedia memberi kerjasama untuk menyudahkan jalan raya ini. Kalau kita hendak katakan kita tidak mempunyai pakar², perkara ini kita boleh dapat asalkan Kerajaan kita sanggup mengeluarkan wang kerana Negeri Kedah mengharapkan sudah-nya jalan raya yang menghubungkan antara Pantai Timor ka-Pantai Barat yang dapat menyambong kemudahan² tenaga ra'ayat dan juga mendapat rezki yang halal dalam negara kita. Sekian, terima kaseh.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap sedikit dalam hal ini. Saya ingin meminta supaya Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Tenaga untuk mengambil perhatian dalam tiga perkara, ia-itu yang pertama jalan raya, jalan besar antara Kuala Lumpur ka-Pahang. Sa-hingga hari ini saya nampak jalan itu khas-nya ia-itu jalan di-Bukit Bentong, saya nampak jalan di-sabelah sempadan antara atas Bukit dekat Genting Highland ka-Pahang ini sudah di-baiki dan di-luruskan jalan itu, tetapi jalan di-sabelah ka-bawah hala ka-Selangor ini berbengkak² macham jalan masa penjajah dahulu juga. Jadi untuk mengelakkan kemalangan, saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil perhatian supaya jalan itu chuba di-besarkan sedikit kerana saya nampak selalu jatoh dan saya sendiri pernah menolong satu lori askar jatoh sa-telah lori itu menjalankan usaha membaiki jambatan di-sana, jadi saya harap Yang Berhormat mengambil perhatian.

Yang kedua berkenaan dengan jambatan di-Dungun. Jambatan di-Dungun ini sudah rosak dan mengikut Jurutera Kerja di-Daerah Dungun mengatakan jambatan itu kurang boleh di-pakai, kerana dengan sebab itu-lah terpaksa di-belah dua ia-itu tutup sa-belah, jalan sa-hala sahaja. Dan apa yang saya tahu

pehak Jurutera Daerah telah menghantar ma'alumat ini kepada pehak Negeri dan khabar-nya pehak Negeri telah menghantarkan kepada pehak Persekutuan, tetapi sehingga hari ini jambatan itu dengan keadaan begitu dan saya takut nanti jambatan ini runtuh dan habis kereta² yang lalu di-sana boleh jadi mendapat kemalangan. Saya harap mendapat perhatian dan dengan di-baiki atau pun sa-bagai-nya.

Yang akhir-nya sa-kali, saya harap satu perkara yang saya ingin sebutkan ia-lah mengikut apa yang saya tahu jalan raya antara Bandar Dungun ka-Pasir Raja selalu di-ranchangkan, tetapi peruntukan wang tidak ada. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil perhatian supaya jalan daripada Bandar Dungun ka-Pasir Raja, ia-itu berdekatan dengan Pahang, di-sana ramai juga penduduk², harus diambil perhatian agar dapat orang² di-hulu, orang² kampung sana menikmati jalan raya yang di-buat oleh Kerajaan kita ini. Terima kasih.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Dato' Pengerusi, saya juga ingin mengambil bahagian sedikit dalam beberapa minit berkenaan dengan B. 57 ini.

Yang pertama sa-kali, saya mengucapkan tahniah kepada Menteri yang baharu berkaitan dengan Jambatan Jerteh, sebab kalau sudah bertahun² dahulu pernah di-rayukan kepada Yang Berhormat Menteri² yang telah lalu tidak mendapat perhatian, tetapi pada sa'at yang akhir ini berikutan dengan perlantekan Menteri Besar baharu di-Trengganu dan Menteri baharu pula bagi Kementerian Kerja Raya dan Tenaga. Saya di-fahamkan sudah ada penyiasatan hendak di-buat satu jambatan dari Kampong Raja ka-Kuala Besut menggantikan jambatan yang ada sekarang dan di-harapkan rayuan daripada Kerajaan Negeri—rayuan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Trengganu berhubung dengan jambatan baharu ini tidak di-ketepikan oleh Yang Berhormat Menteri yang ada sekarang ini.

Yang Kedua, saya ingin menarek perhatian kepada sa-puchok surat di-hantarkan oleh Pemborong Bumiputra kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan salinan-nya, saya perchaya ada kepada Menteri Kerja Raya tentang ada-nya berlaku penindasan dari pegawai² yang ada dalam Jabatan Kerja Raya Negeri Trengganu ter-

hadap kontrek bumiputra mengenai dengan kontrek² yang di-bawah jagaan J.K.R. Jadi, oleh kerana salinan surat rayuan itu di-hantar kepada saya dan saya sa-takat ini belum ada ma'alumat yang saya terima sama ada dari Perdana Menteri atau pun Kementerian yang berkenaan. Jadi, saya amat besar hati kira-nya dapat di-terangkan sa-jauh mana perjalanan yang telah di-ambil berikutan dengan surat yang di-hantar oleh Persatuan Pemborong Bumiputra Negeri Trengganu terhadap sikap penindasan yang di-jalankan oleh pegawai² dalam Jabatan Kerja Raya di-negeri Trengganu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri kalau tidak boleh habiskan dalam masa lima minit, besok boleh sambong balek.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu mengucapkan berbanyak² terima kasih atas sokongan semua Ahli² Yang Berhormat atas peruntukan bagi Kementerian saya bagi tahun 1972 ini. Begitu juga saya mengucapkan berbanyak² terima kasih atas tahniah satu dua orang Ahli Yang Berhormat atas perlantekan saya dan saya harap bukan sahaja memberikan tahniah tetapi di-harapkan juga semua Ahli² Yang Berhormat yang lain memberikan kerjasama seperti yang saya katakan tadi kepada saya atas tugas² saya yang baharu ini.

Di-sini, Tuan Pengerusi, ingin-lah saya menjawab dengan sa-bberapa ringkas atas tegoran² atau pun chadangan² yang telah pun di-kemukakan oleh Ahli² Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor mengatakan yang dia hairan kenapa jurutera² dan akitek² pada waktu ini nampaknya walau pun mereka nama berkeelayakan, lebih pandai, atau pun lebih baik daripada yang dahulu, tetapi pekerjaan mereka amat kurang baik daripada pekerjaan jurutera² yang dahulu. Ini pada fikiran saya ada-lah as a matter of opinion kerana sa-benar-nya pekerjaan jurutera² kita pada waktu ini banyak yang lebih baik daripada kerja² yang dahulu.

Berkenaan dengan chadangan Ahli Yang Berhormat dari Kapar supaya memberi layanan yang lebih baik atau pun gaji yang lebih baik kepada jurutera² kita atau pun ahli² professional yang lain seperti akitek

dan sa-bagai-nya. Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat tahu pada waktu ini gaji mereka pun sudah kita perbaiki dan baharu² ini Kerajaan telah pun mengambil keputusan untuk menarek lebeh banyak lagi jurutera² bekerja dengan Kementerian ini, kita telah pun introduce satu scheme yang memberi gaji lebeh baik dengan chara kontrek ia-itu gaji permulaan ia-lah \$750 dan sa-sudah itu mendapat \$1,100 lepas itu naik sa-hingga \$1,300 dan kenaikan \$50 pada sa-tahun sampai \$1,500 hingga \$1,600 lepas itu dapat kenaikan \$100 bagi sa-tahun sampai \$1,800. Dengan sebab itu, kita berharap ini satu chara boleh menarek lebeh banyak lagi ahli² engineer datang bekerja dengan kita.

Berkenaan dengan tegoran Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa, pada waktu ini sa-benar-nya satu peruntukan telah pun di-buat untuk membuat jalan² raya di-Negeri Sarawak dan saya harap tidak berapa lama dari sekarang jalan ini pun dapat di-buat.

Sa-benar-nya bagi tahun 1971-1975 \$11,790,000 ada-lah di-untukkan bagi projek² Federal Road di-Sarawak dan Kementerian ini akan berhubung dengan pihak² yang berkuasa Negeri untuk menimbangkan permintaan yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri boleh menyambungkan jawapan-nya esok.

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula.

PENANGGOHAN

(Usul)

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon meniadakan supaya meshuarat ini di-tanggohkan.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCHAPAN PENANGGOHAN

NASIB PEKERJA² LADANG DI-BUANG KERJA

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh berchakap dua bahasa Ahli Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Pada 10 tahun dahulu sampai sekarang ada 100,000 pekerja² di-buang daripada ladang² getah dan yang di-katakan dalam Ranchangan Malaysia Kedua. Angka ini mewakili 30 peratus daripada jumlah semua pekerja² di-ladang² getah dan bila kita masokan sama dengan keluarga mereka, barangkali boleh kita kaji dekat 500,000 orang berkenaan.

These figures, Mr Speaker, Sir, we have to cull from the monthly statistics issued by the Government because there are no actual statistics and these are figures which I have got from the study of the past issues of the monthly statistical bulletin. This yearly retrenchment of an average of ten thousand rubber estate workers is a very grave problem in Malaysia, as the majority of them will not be able to find alternative means of employment with the already very high rate of unemployment in the country. The majority of these workers have spent the best part of their lives in the rubber industry contributing to the development of the rubber industry and national wealth. It will be an act of ingratitude on the part of the nation and Government to neglect the estate workers, the majority of whom are Malaysian Indians, when every year about 10,000 are being thrown out of employment as a result of fragmentation of estates, conversion of the rubber estates into oil-palm and other crops and the general decline of the rubber industry in employment-generating capability.

At the end of 1970 when the Rompin and Dungun Iron Mines were closing down, retrenching about 4,000 workers, the Prime Minister himself personally visited the areas concerned and announced special Government aid and programme to get alternative employment opportunities for the retrenched or to-be-retrenched workers. Why is it in this matter of 10,000 estate workers being retrenched every year, which is clearly a bigger problem than the Rompin and Dungun mine closures, the Government has completely ignored this problem? Why are the estate workers being treated in this fashion as if they are step-children or second-class citizens?

I call on the Government to give urgent attention to this problem and find ways of helping the 500,000 estate workers and their dependants involved. There will be even more workers who are going to be retrenched this year, next year and the years to come.

The magnitude of this problem requires a special Government department to be established to specially look into this problem to find out ways to minimise the high rate of retrenchment and to help retrenched workers to find alternative means of livelihood and employment. In this connection, I call on the Government to give land to retrenched workers so that they could have a means of livelihood. The Government is opening one million acres of land in the Second Malaysia Plan. I call on the Government, for a start, to set aside one hundred thousand acres of land to be given out to the retrenched estate workers. The time has come for a more dynamic and positive Governmental action to help the estate workers and their dependants. Thank you.

Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tuan Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, ada-lah tidak benar ia-itu tiap² tahun lebeh kurang 10 ribu pekerja² dalam ladang yang di-buang kerja.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka dalam ucapan-nya menyatakan tentang nasib pekerja² ladang di-negara ini. Beliau mengatakan, dengan jelas bahawa lebeh kurang 10,000 pekerja² ladang telah di-berhentikan dan pekerja² ini bersama² dengan tanggungan mereka manghadapi kesusahan dan Kerajaan hendak-lah membentok satu jabatan bagi menimbangkan, bagi melaksanakan satu projek seperti rancangan tanah dengan tujuan bagi membantu pekerja² itu.

Tuan Yang di-Pertua, mula sa-kali ada-lah tidak di-ketahui di-mana-kah Ahli Yang Berhormat itu mendapat angka² yang di-katakan itu. Beliau tidak menyatakan dengan tepat ladang mana-kah pekerja² itu bekerja sa-belum di-berhentikan dan beliau juga tidak menyebut tempoh masa-nya. Oleh yang demikian, ada-lah susah bagi memberikan jawapan yang tepat jika Ahli Yang Berhormat itu hanya memberikan satu kenyataan yang sangat umum.

Tuan Lim Kit Siang bangun.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: You want to state something?

Tuan Lim Kit Siang: If the Honourable Deputy Minister would just look at some of these monthly Statistical Bulletins of the

Government, he will get some of these figures.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, ada-lah benar kita mengeluarkan Bulletin tiap² bulan berkenaan dengan pekerja² yang di-berhentikan atau yang ditinggalkan kerja dari masa ka-masa, tetapi ini bukan berma'ana beliau itu tidak bekerja langsung sa-lepas itu, boleh jadi dia pindah ka-tempat lain bekerja, boleh jadi dia chari kerja yang lain. Jadi menyatakan begitu tidak-lah benar.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimana pun Kementerian saya

Tuan Lim Kit Siang: May I clarify?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: No. I cannot allow this occasion for a general argument.

Tuan Lee San Choon: Kementerian saya, kalau Ahli Yang Berhormat sabar sedikit, saya akan beritahu kedudukan yang sa-benar-nya.

Kementerian saya ada-lah sedar tentang putaran dan pergerakan tenaga kerja di-ladang di-sebabkan oleh kejat'han harga getah masa ini, pembuangan, pasaran, pekerja² kembali ka-negeri asal mereka dan lain². Saya juga sedar mengenai masalah² tertentu yang wujud di-beberapa buah ladang tetapi tindakan telah di-ambil dan sedang di-ambil terhadap kes² itu. Ada-lah juga sesuai bagi saya menyatakan bahawa tidak ada sa-barang laporan mengenai penganggoran² yang besar dan luar biasa bagi pekerja² ladang atau sa-barang masalah yang meluas yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Sa-benar-nya, bilangan pekerja² ladang yang menganggor yang mendaftar untuk pekerjaan di-Pejabat² Pekerjaan ada-lah kecil dan ramai di-antara mereka yang mendaftar nama mereka di-Pejabat Pekerjaan ada-lah sedang bekerja tetapi hendak menchari kerja baharu. Terdapat juga beberapa kes pekerja² ladang yang menganggor yang telah di-tawarkan pekerjaan tetapi enggan menerima tawaran itu.

Jika Ahli Yang Berhormat itu menyatakan bahawa penganggoran di-ladang² ada-lah di-sebabkan oleh perlaksanaan Akta Sekatan Kerja, saya suka memaalomkan

beliau bahawa di-sebabkan kekurangan warganegara yang sanggup bekerja di-ladang² bagi menggantikan pekerja² bukan warganegara, kedudukan sa-benar-nya ia-lah bahawa sangat sedikit pekerja² ladang yang bukan warganegara yang tidak di-berikan Permit kerja.

Di-sebabkan oleh bilangan penganggoran dari bekas² pekerja ladang ada-lah sedikit di-dalam konteks jumlah bilangan pekerja² yang bekerja di-ladang² dan bilangan penganggoran di-negeri ini, maka chadangan khas bagi membaiki keadaan ini sa-bagaimana yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak dapat di-berikan pertimbangan khas. Penganggoran ada-lah di-selesaikan sa-bagai suatu masalah

menyeluruh di-bawah Rancangan Malaysia Kedua dan jika Ahli Yang Berhormat telah membaca Rancangan Malaysia Kedua dengan teliti, beliau tentu sedar bahawa Kerajaan sedang menjalankan segala apa yang boleh bagi menyediakan peluang² pekerjaan yang lebih banyak lagi dan akan mempergunakan puncha² tenaga ra'ayat negara ini bagi pembangunan negara yang akan menguntongkan sa-tiap orang. Terima kaseh.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Meshuarat di-tanggohkan hingga 2.30 petang esok.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.43 petang.